

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

DATO' ABD AMIN BIN MOHD KASIM

PELAKON, PENGARAH, PENERBIT DAN PENULIS

MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI ARTIS VETERAN

MUHAMMAD SOLEHUDDIN BIN MAZLAN

(2019230558)

WARDAH BINTI JALIL

(2019230998)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OCTOBER 2021-FEBRUARI 2022

ISI KANDUNGAN

	M/S
Abstrak	ii
Penghargaan	iii
Senarai Abreviasi	iv
Senarai Singkatan	v
Rujukan Kata	viii
1.0 Biodata Penemubual	1
1.1 Penemubual Pertama	1
1.2 Penemubual Kedua	2
2.0 Biodata Tokoh	3
2.1 Biodata Tokoh	3
2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0 Sejarah Lisan	5
3.1 Pengenalan	6
3.2 Objektif Sejarah Lisan	6
3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	8
4.0 Kajian Literatur	9
4.1 Topik 1	11
4.2 Topik 2	13
5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh	70
6.0 Log Temubual	82
7.0 Ralat	83
8.0 Glosari	90
9.0 Indeks	92
10.0 Bibliografi	100
11.0 Lampiran	101
11.1 Biografi Tokoh	101
11.2 Surat Perjanjian	102
11.3 Senarai Soalan	110
11.4 Diari Penyelidikan	113
11.5 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	114

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang industri seni. Beliau gemar menyertai pertandingan ataupun teater-teater lakonan. Temubual ini dijalankan selama 2 jam 13 minit. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 November 2021 bersamaan hari Selasa pada 2 petang secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Temubual ini didokumentasikan kepada masyarakat supaya mereka mendapat informasi dan dapat memberikan pandangan mereka mengenai artis veteran dalam industri seni tanah air khususnya. Sejarah lisan ini mengandungi sejarah, kepentingan, pencapaian, sumbangan, harapan selain membicarakan tentang perjalanan hidup dan pengalaman tokoh sepanjang menceburi bidang seni sejak tahun 60-an sehingga berjaya menjadi seorang tokoh atau artis veteran berjaya yang semakin dikenali pada masa kini. Pendokumentasian daripada wawancara ini dapat membantu dan merungkakan segala isu berkaitan dengan tema artis veteran. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharapkan agar semua golongan masyarakat dapat memahami dengan lebih dekat tentang bidang seni tidak kira lah dari segi lakonan, penulisan, pengarah dan penerbitan supaya dapat menghargai karya-karya yang dihasilkan oleh seniman seperti beliau.

Kata Kunci: Sejarah Lisan, Artis Veteran, Pelakon, Pengarah, Penulis

ABSTRACT

This transcript discusses an experienced figure in the field of art industry. He likes to participate in competitions or acting theatres. The interview lasted for 2 hours and 13 minutes. The recording was conducted on 30 November 2021 on Tuesday at 2 pm online using the Google Meet platform. The interview was documented to the public so that they get information and can give their views on veteran artists in the country's art industry. This oral history contains history, importance, achievements, contributions, hopes as well as talking about the life journey and experience of the figure throughout the field of art since the 60s to succeed in becoming a successful veteran figure or artist who is increasingly known today. Documentation from this interview can help and resolve any issues related to the theme of veteran artists. Through this oral history project, it is hoped that all sections of the community can understand more closely about the field of art regardless of acting, writing, directing, and publishing to appreciate the works produced by artists like him.

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, pertama sekali kami ingin mengungkapkan rasa syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya, akhirnya kami dapat menyelesaikan tugas yang telah diberikan ini. Tugas ini memerlukan kami untuk membuat kajian tentang artis veteran, dan kami telah memilih untuk merungkai isu seni arca. Kami melakukan tugas ini telah dilakukan dengan sehabis baik berdasarkan segala maklumat yang kami peroleh walaupun ada sedikit masalah yang muncul pada saat-saat akhir namun, semua masalah dapat kami uruskan dan menyelesaikannya dengan baik.

Ucapan jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah IMR604 (Oral Documentation) kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana banyak membantu kami menyiapkan tugas ini. Beliau sentiasa memberikan sumbangan, semangat dan dorongan kepada kami dalam usaha menyiapkan tugas ini. Tanpa panduannya, mungkin tugas yang diberi tidak dapat kami laksanakan dengan baik. Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada tokoh bertemakan aris veteran yang kami pilih kerana beliau sudi meluangkan masa untuk berkongsi maklumat dan ditemubual iaitu Dato' Haji Abdul Amin Bin Mohd Kasim. Kami memperoleh banyak input daripada penceritaan dan perkongsian maklumat yang disampaikan oleh tokoh. Kerjasama dari pihak Dato' Haji Abdul Amin Bin Mohd Kasim amatlah kami hargai. Sebagai tambahan, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami kerana telah menyokong dari segi mental dan fizikal untuk menyelesaikan tugas ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih khas kepada rakan sekelas kami kerana banyak membantu sekiranya ada perkara yang kami tidak ketahui. Kami berharap hasil kajian ini akan memberikan impak yang positif kepada semua pihak dan berguna untuk masa kini dan juga masa akan datang.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
CD	Compact Disc
DVD	Digital Versatile Disc
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
HVD	Home Video Department home
IPPTAR	Institut Penyiaran Tun Abdul Razak
MCE	Malay Certificate Education
MCSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
PERENTAS	Persatuan Penulis Daerah Kerian
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SOP	Standard Operating Procedure
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	Telivisyen
UPSI	Institut Perguruan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
VS	Versus

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

AAMK	Abd Amin bin Mohd Kasim
MSM	Muhammad Solehuddin bin Mazlan
WJ	Wardah binti Jalil

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Ambik	Ambil
Amik	Ambil
Bapak	Bapa
Bagitahu	Beritahu
Baru	Baharu
Bawak	Bawa
Besok	Esuk
Betui	Betul
Ni	Ini
Dekat	Di
Dulu	Dahulu
Diorang	Mereka
Heran	Hairan/Pelik
Je lah	Sahaja lah
Kau	Engkau
Karang	Nanti
Kecik	Kecil
Kejap	Sebentar
Kena	Perlu

Le	Lah
Mau	Mahu
Meh	Mari Sini
Menung	Termenung
Nak	Hendak
Okay	Okey
Pastu	Lepas itu
Pasal	Mengenai
Pasai	Sebab/tentang
Pi	Pergi
Pulak	Pula
Reti	Boleh
Renyah	Susah
Rimau	Harimau
Sehari	Satu hari
Seringgit	Satu Ringgit
Tak	Tidak

Tak mau	Tidak Mahu
Tapi	Tetapi
Tau	Tahu
Tu	Itu

BIODATA PENEMUBUAL

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual pertama



Nama	Muhammad Solehuddin Bin Mazlan
Tarikh Lahir	9 September 1999
Tempat Lahir	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor
Alamat	31, Jalan Setia 7/11, Taman Setia Indah, 81100 Johor Bahru, Johor
No.Telefon	0127812265
Emel	solehuddinmazlan@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

11.1 Penemubual Kedua



Nama	Wardah Binti Jalil
Tarikh Lahir	10 Ogos 1999
Tempat Lahir	Hospital Sultanah Fatimah, Muar, Johor
Alamat	No 320 Jalan Temenggong Ahmad, Muar 84000, Johor
No.Telefon	0182866435
Emel	wardahhjalil@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



Nama	Abd Amin bin Mohd Kasim
Nama Samaran	Amin Khan
Tarikh Lahir	18 Ogos 1955
Tempat Lahir	Kuala Kurau Perak
Alamat	No. 480, Jalan Sri Pulai 27. Taman Sri pulai 2, Sikamat, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
No.Telefon	019-651 9350
Emel	minjanprods@yahoo.com.my

2.2 Pengenalan Kepada Tokoh

Dato' Haji Amin bin Mohd Kassim atau dikenali sebagai Dato Amin Khan yang merupakan anak kelahiran negeri Perak yang dilahirkan pada 18 Ogos 1955 dan beliau kini berumur 66 tahun. Tempat kelahiran beliau ialah di Kampung Pandak Putih, Kuala Kurau, Perak dan juga kini menetap di daerah Seremban iaitu di Taman Sri pulai 2, Sikamat, Seremban, Negeri Sembilan. Beliau yang merupakan anak ke 4 daripada 6 orang bilangan adik beradik. Status perkahwinan beliau ialah duda dan mempunyai 4 orang anak termasuklah 2 lelaki dan 2 perempuan. Beliau yang dahulunya bekerja dalam bidang beruniform iaitu Angkatan Tentera Malaysia. Tidak mewarisi darah kesenian daripada mana-mana mahupun ahli keluarganya. Namun mempunyai darah seni yang mendalam bermula sejak kecil dalam bidang industri seni. Pada permulaannya minat yang ada di dalam diri dalam bidang penulisan apabila mendengar beberapa nama penulis drama di radio-radio Singapura membuatkan beliau tertarik untuk mencuba menulis karya sendiri dan menghantar di radio Singapura. Beliau juga menulis skrip untuk stesen televisyen yang bertajuk 'Cinta Tak Bermata'. Selain itu, timbul minat dalam teater apabila beliau pergi ke pentas kampung, majlis perkahwinan, malam aneka ragam dan di funfair. Usaha beliau mengajar orang-orang berteater di kampung dan berlakon, mengarah, sehingga menggumpul orang sehinggalah mendapat sebagai pelakon lelaki terbaik daerah Kerian dalam drama 'Gegar'.

Bukan itu sahaja, dengan kreativiti yang ada, tercetusnya idea untuk mengarah drama beliau sendiri. Drama yang ditayangkan di televisyen bertajuk 'Penantian'. Beliau juga menjadi penerbit bagi drama beliau sendiri. Kegigihan beliau tidak sampai tidak berhenti apabila beliau ditawarkan untuk berkursus lakonan. Beliau mewakili daerah Kerian berkursus selama dua minggu di Tapis Gelanggang. Beliau mendapat latihan formal seperti bagaimana untuk memilih muzik dalam drama, teknik lakonan dalam drama, vokal, dan bagaimana cara melontarkan suara. Beliau tidak berhenti untuk bergiat aktif dalam industri seni tanah air dan memberi inspirasi kepada orang dalam industri seni tersebut mahupun masyarakat luar khususnya generasi muda.

SEJARAH LISAN

3 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Sejarah lisan ditakrifkan oleh Ronald J. Grele (dicapai daripada Alistair Thomson, 1998) sebagai salah satu cara terbaik untuk belajar tentang sejarah abad kedua puluh adalah dengan menemu bual saksi mata yang hadir pada masa peristiwa itu berlaku. Pengalaman yang tidak direkodkan, termasuk kehidupan pemimpin yang masih belum menerbitkan autobiografi mereka dan "sejarah rahsia" kumpulan terpinggir seperti wanita dan orang asli boleh diakses melalui sumber ini. Temu bual sejarah lisan juga membolehkan pemeriksaan pengalaman sejarah yang jarang didokumentasikan, seperti hubungan peribadi dan kehidupan rumah tangga.

Menurut Ahmad (1987) seperti yang dipetik daripada Siti Roudhah Mohamad Saad et al., (2012), sejarah lisan ialah pendekatan atau teknik penyelidikan kontemporari yang memfokuskan kepada penceritaan peristiwa sejarah bagi memelihara pengetahuan sejarah. Kaedah ini memerlukan temu bual dan rakaman pada pita kesaksian mereka yang mempunyai pengetahuan tentang sesuatu peristiwa sejarah, sama ada secara langsung atau tidak langsung melihatnya. Ia turut disokong oleh Starr (1984), seperti yang dicapai daripada Siti Roudhah Mohamad Saad et al. (2012) menyatakan sejarah lisan ialah cara mengumpul fakta sejarah yang belum dikaji dan tidak direkodkan sebelum ini. Ia merupakan alternatif kepada pengumpulan bahan sejarah selepas kemerosotan tradisi penulisan sejarah. Orang berpendapat ia bermula dengan berlakunya peristiwa sejarah tertentu. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa sejarah lisan adalah teknik untuk mendapatkan kebenaran tentang tahap yang tidak direkodkan.

Sejarah lisan ialah proses di mana orang menceritakan peristiwa bersama-sama dengan pengumpul maklumat yang memproses peristiwa lalu dan memetikanya daripada kenangan peribadi, esei, diari, surat, dan gambar (Siti Roudhah Mohammad Saad et al., 2012).

Sumber sejarah lisan dianggap sebagai sumber utama yang diperoleh daripada hasil perbualan rekod temu bual yang dirancang dan direkodkan oleh pengkaji dan

informan (Siti Roudhah Mohammad Saad et al., 2012). Fakta sejarah lisan dikatakan mempunyai kuasa tersendiri untuk menjelaskan peristiwa lampau. Ia terdiri daripada pelbagai jenis sastera rakyat (folklore) seperti mitos, legenda, dan cerita asal usul. (Abdul Rahman, 1996 diperoleh daripada Siti Roudhah Mohammad Saad et al., 2012). Selain itu, sebagai cara untuk menggantikan rekod yang telah hilang atau dimusnahkan oleh kuasa kolonial seperti Jepun dan British, sejarah lisan amat penting untuk membina semula peristiwa sejarah di Filipina. Di samping mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis, sumber lisan boleh digunakan untuk menambah sumber bertulis sedia ada dengan bukti sejarah yang telah direkodkan untuk mengekalkan bukti sejarah yang berisiko hilang dan ia boleh berfungsi sebagai insentif untuk penyelidik untuk menjalankan kajian terhadap subjek yang telah dibekalkan dengan sumber lisan. (Nadzan, 1979 dicapai daripada Siti Roudhah Mohammad Saad et al., 2012).

3.2 Objektif Kajian

- i. Sebagai apresiasi dan penghargaan kepada artis veteran yang dipilih untuk ditemu bual menjadi koleksi sejarah lisan.
- ii. Untuk mendokumentasikan pengkisahan artis veteran yang dipilih untuk dijadikan rujukan akan datang.
- iii. Untuk menemu bual pengalaman artis veteran yang dipilih sebagai rekod sumber primer.

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

3.3.1 Mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber tertulis dan menjadi sumber tambahan untuk melengkapi kajian yang mendalam dan mantap

Terdapat sumber bertulis yang tidak lengkap dan hanya merekodkan apa yang dianggap perlu oleh jurutulis, sedangkan kejadian sebenar sesuatu peristiwa adalah lebih daripada apa yang didokumenkan dalam sumber bertulis. Semasa era British, contohnya, laporan bertulis mengenai pelbagai insiden seperti perjuangan menentang Malayan Union dan rusuhan kaum di Batu Kikir, Batu Pahat, dan Sungai Manik tidak didokumenkan dengan betul dan tepat, sebahagiannya kerana fakta yang

disembunyikan. Sebenarnya, terdapat rekod bertulis yang telah dimusnahkan oleh tentera selepas pertempuran berakhir, termasuk kertas tentera British dan Jepun yang dimusnahkan apabila mereka terpaksa menyerah diri semasa perang.

3.3.2 Memberi orang ramai peluang untuk mentafsirkan peranan mereka demi mencari kebenaran sejarah

Majoriti sumber bertulis dicipta oleh kerajaan dan golongan atasan. Akibatnya, majoriti acara diliputi dari perspektif kelas atasan tanpa mengambil kira pandangan yang diutarakan oleh masyarakat umum. Di samping itu, majoriti isu sejarah tertumpu kepada kerajaan dan pentadbiran dengan hanya beberapa sarjana yang membawa topik seperti sejarah sosial dan sejarah masyarakat. Bagi mendapatkan bukti sejarah daripada orang biasa seperti pekerja, minoriti, atau Orang Asli yang sebenarnya lebih aktif sebagai pemain (*actor*) dalam peristiwa sejarah, sejarah lisan digunakan bersama-sama kaedah pengumpulan data yang lain.

3.3.3 Menghasilkan sumber yang istimewa yang dapat menyelami emosi pelaku dalam peristiwa yang dialami

Menggabungkan bukti lisan daripada bakal saksi atau saksi mata akan membolehkan penyelidik terlibat secara emosi dalam situasi yang diasas. Keupayaan untuk menyelami emosi mereka adalah kritikal dalam menilai emosi mereka yang mendorong peristiwa sejarah yang berlaku dan kemudian membentuk pertimbangan moral tentang mereka. Keupayaan untuk menyelami emosi mereka adalah kritikal dalam menilai emosi mereka yang mendorong peristiwa sejarah yang berlaku dan kemudian membentuk pertimbangan moral tentang mereka.

3.3.4 Menjadi alternatif kepada memoir dan autobiografi

Memoir atau autobiografi tokoh ialah catatan autobiografi oleh tokoh tentang pengalaman dan tabiat kehidupannya yang ditulis oleh orang itu atau oleh pengarang kepercayaan itu sendiri. Lazimnya, penulisan

memoir ini dilakukan mengikut keutamaan watak itu sendiri dengan disembunyikan kekurangannya dan dititikberatkan egonya tentang peranannya dalam sesuatu peristiwa. Oleh itu, menggunakan sejarah lisan untuk menyiasat 7 peranan seorang tokoh sejarah adalah lebih adil dan telus daripada menggunakan penulisan autobiografi untuk berbuat demikian. Ini disebabkan penyelidik tidak menyembunyikan fakta dan melakukan penyiasatan menyeluruh sebelum menerima maklumat lisan sebagai bukti sejarah.

3.3.5 Merakam dan menyelamatkan tradisi lisan yang semakin hilang

Penulisan sejarah tidak perlu dihadkan kepada orang terkenal dan peristiwa semasa yang hanya berdasarkan sumber bertulis dan lisan untuk dianggap sejarah. Akibatnya, tradisi lisan (yang dikawal ketat) harus digunakan sebagai sumber yang berharga dalam kajian tradisi kuno yang mengandungi sejarah politik, sosial, ekonomi, dan undang-undang yang terkandung dalam sistem pernomboran adat. Sebagai contoh, bilangan adat yang dipegang secara tradisional oleh ketua adat dalam masyarakat Minangkabau, serta ketua kaum dan adat dalam suku kaum lain di Sabah dan Sarawak, adalah antara faktor yang perlu dipertimbangkan.

3.3.6 Mempelbagaikan sumber dalam usaha memahami dan memelihara warisan negara

Peranan penting dalam pemeliharaan dan peningkatan sumber sejarah dimainkan oleh sejarah lisan. Akibatnya, ahli sejarah mempunyai tanggungjawab untuk memelihara sebarang bukti bertulis yang boleh digunakan sebagai sumber untuk sebarang peristiwa sejarah. Secara khusus, dalam senario ini, maklumat lisan yang menerangkan sebab dan akibat sesuatu peristiwa mesti disimpan sebagai warisan supaya generasi akan datang dapat memahami apa yang berlaku dan mengapa ia berlaku.

KAJIAN LITERATUR

4 KAJIAN LITERATUR

4.1 Artis Veteran

Ratu rock, Ella seperti yang dinyatakan oleh Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor (2019) mengakui majoriti vokalis dari 1980-an dan 1990-an kekal dalam permintaan tinggi hasil daripada kualiti kerja mereka yang tinggi. Tidak perlu menimbulkan kekecohan kerana penyanyi mahupun pelakon masa itu tidak sanggup berkompromi dengan kontroversi mahupun *gossip*. Karya mereka juga dicipta secara langsung oleh komposer dari hati dan perasaan. Ini mengakibatkan karya artis berpengalaman menyentuh jiwa dan kekal di industri walaupun selepas beberapa dekad. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor (2019) yang membuat liputan tentang konsert Band of The Sixties Show and Dance. Persembahan rangkaian lagu-lagu 60an berjaya memukau lebih 1,000 orang yang membanjiri Dewan Masyarakat Kota Kinabalu bagi menyaksikan konsert Band of The Sixties Show and Dance, baru-baru ini. Malah, penonton hadir seawal jam 6.30 petang untuk menyaksikan artis veteran pujaan mereka membuat persembahan pada malam itu. Mahmood Kilong, salah seorang ahli The Midnite Flyers (diakses daripada Mohd Helmi Irwadi Mohd Nor, 2019) menyatakan bahawa konsert pada malam itu pastinya sangat bertenaga, dengan penonton yang pelbagai dari semua peringkat umur dan etnik hadir. Penonton, terutamanya golongan muda yang menghadiri acara itu, berada di sana untuk mendengar muzik popular dari zaman dahulu, dan ini adalah peluang untuk mereka didedahkan kepadanya. Kerana seronok dan tidak mahu melepaskan peluang untuk menari setiap kali muzik dimainkan, sambutan itu disifatkan sangat positif oleh penonton.

Kehidupan artis penuh dengan pasang surut, mereka tidak selalu mendapati diri mereka berada di puncak populariti dan menerima permintaan untuk berlakon atau menyanyi. Pada hakikatnya, peluang itu hanya tersedia untuk masa yang terhad. Bagi mencapai masa depan yang lebih baik, sesetengah daripada mereka menggunakan detik popular sebagai peluang untuk menimba pengalaman berharga. Kami juga kerap membaca akaun media mengenai kehidupan artis terkenal. Namun, laporan ini tidak berdasarkan kehidupan sebenar mereka. (Hamizah Basir, 2019).

Hamizah Basir (2019) menyatakan beberapa pendapat daripada artis veteran:

1. Abdul Jalil Abdul Hamid mengatakan bahawa golongan artis kena sentiasa beringat bahawa dunia popular hanya sementara kerana ia tidak akan kekal.
2. Wan Aishah Wan Ariffin berkata setiap orang mempunyai rezeki sendiri dan berbeza-beza pendapatan. Jadi, golongan artis haruslah bijak menguruskan kewangan sendiri dan bijak berbelanja.

Namun begitu, nasib artis veteran ini terbela dengan kewujudan badan-badan yang sentiasa menjaga kebajikan mereka. Buktinya, program penyerahan bantuan hasil inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Persatuan Kebajikan Artis Veteran Malaysia (PKAVM) di Dewan Perdana Nur, KPWKM di Putrajaya, bagi mengagihkan barangan keperluan harian, makanan, ubat-ubatan, fabrik dan wang kepada 100 artis veteran (Zaidi Mohamad, 2020). Selain itu, Program Ziarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) Prihatin 3.0 membuka ruang kepada bintang veteran tanah air membuat kemunculan semula bagi memeriahkan kembali industri seni tanah air (Bernama, 2021). Pengerusinya, Zakaria Abdul Hamid seperti yang dinyatakan dalam Bernama (2021) berkata, untuk menjangkau "orang lama" dalam industri yang sunyi dan dipulaukan, pengeluar mungkin menggunakan platform tersebut untuk menjangkau dan memberi mereka peluang untuk berlakon dan menyanyi dengan cara yang sama pada masa lalu. Inisiatif Finas Prihatin memberi peluang kepada artis veteran yang terlepas pandang. Selain itu, artis yang dilawati untuk memulakan semula kerjaya mereka dalam pelbagai disiplin seni mereka termasuk dalam kalangan mereka yang membuat perjalanan itu.

4.2 Pelakon

Menurut Nizila (2007) dipetik daripada Normiha Suraya (2019), pelakon ialah salah seorang individu yang menyertai persembahan di atas pentas sambil diperhatikan oleh individu lain yang berfungsi sebagai penonton. Akibatnya, adalah jelas bahawa istilah pelakon merujuk kepada pelakon, iaitu, manusia atau individu yang menjadi subjek paparan awam.

A gifted performer is one who will truly grasp the essence of the "inner music". This "inner music" is the Flower that lies behind the chant itself.

(Daniel Gerould, 2000, m/s 100 dicapai daripada Normiha Suraya, 2019)

Berdasarkan perenggan ini, boleh disimpulkan bahawa istilah "inner music" merujuk kepada permainan dalaman pelakon yang terikat dengan pemikiran pelakon terhadap peranannya. Hasilnya, adalah tepat untuk menyatakan bahawa keberkesanan sesuatu lakonan adalah bergantung kepada tahap penghayatan terhadap persembahan pelakon. Watak atau peranan yang muncul di hadapan khalayak menjadi kriteria untuk menentukan sama ada lakonan itu berkesan atau tidak. Oleh itu, tidak hairanlah, tidak kira siapa yang berjaya dalam sesuatu lakonan, cara watak itu dipersembahkan adalah perkara yang paling penting untuk dipertimbangkan.

Menjadi seorang pelakon tidak akan melindungi seseorang daripada penelitian dan kritikan rakan sekerja. Segala yang berlaku di atas pentas menjadi topik perbualan orang ramai. Pada hakikatnya, seorang pelakon yang berbakat boleh membuat sebarang pementasan menarik, tidak kira sama ada terdapat kesilapan atau tidak dari perspektif lain. Kepentingan peranan pelakon dalam menanamkan kepercayaan kepada penonton perlu ditekankan. Menurut Suyatna Anirun (1998) seperti yang dipetik oleh Normiha Suraya (2019), peranan seorang pelakon adalah untuk memberikan kehidupan dan semangat kepada persembahan. Maksudnya, pelakon mesti menunjukkan tingkah laku yang bukan ciri dirinya agar penonton mempercayainya. Akibatnya, proses latihan adalah sesuatu yang mesti diselesaikan untuk menghidupkan *character*.

4.3 Pengarah

Filem tanah air adalah kemuncak tahun persiapan rapi dalam bidang lakonan, pengarah, sinematografi, jalan cerita, dan perwakilan simbolik. Kesemua elemen ini menyumbang kepada penciptaan filem dan memastikan ia beroperasi seiring untuk mencipta produk siap. (Azaha Ibrahim & Abu Hassan Hasbullah, 2013). Pengarah dan sinematografi adalah dua aspek yang saling bertindan-tindih.

Sinematografi adalah konsep yang bertolak dari aspek pengarah dan melalui sinematografilah akan terpancar dan terserlah konsep pengarah seseorang (Hamsan, 2004 diakses daripada Azaha Ibrahim & Abu Hassan Hasbullah, 2013). Kedua-dua aspek tersebut memainkan peranan yang cukup penting dalam penghasilan sesebuah filem kerana pengarah dan sinematografi merupakan wajah dan tubuh sesebuah filem. Menurut Anuar Nor Arai (2003) seperti yang dipetik oleh Azaha Ibrahim & Abu Hassan Hasbullah (2013), seorang pengarah dapat menyentuh perasaan dan kefahaman penonton bermula daripada apa yang dilihat dan diatur melalui tulisan.

Menulis dan mengarah adalah satu proses transposition daripada cerita dan kisah diri sendiri. Menurut Ahmad Sarji (2005) seperti yang dipetik oleh Azaha Ibrahim & Abu Hassan Hasbullah (2013), memandangkan seorang pengarah adalah orang yang paling penting dalam industri perfileman, dia mesti berpengetahuan dalam semua bidang pembikinan filem, mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang seni dan drama, dan mempunyai pemahaman yang menyeluruh tentang muzik, rakaman, nyanyian dan kualiti bunyi. Boleh dikatakan bahawa jawatan pengarah bukanlah sesuatu yang mudah, kerana dia mesti menguasai pelbagai kemahiran, seperti yang dibincangkan di atas.

4.4 Industri Filem

Menurut Ismail Sualman (2007) seperti yang dirujuk oleh Abdul Razak Mohaideen (2016), apabila bercakap mengenai kejayaan sesebuah penerbitan, industri filem tempatan mesti mempertimbangkan ciri-ciri modal insan seperti kemahiran, dedikasi kerja, motivasi, kepuasan kerja, produktiviti, dan kepuasan komunikasi sebagai pemacu utama kejayaan. Tahap komitmen dan dorongan yang tinggi serta

persediaan untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran diperlukan untuk kemasukan terbaik ke dalam kerjaya dalam industri perfileman. Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran teknologi dalam prosedur penggambaran dan penyuntingan diperlukan untuk menghasilkan output penerbitan yang berjaya dalam bentuk video atau filem.

Industri filem adalah industri yang sukar untuk diusahakan dari sudut pembangunan modal insan. Sebabnya, untuk menjayakan sesuatu projek filem, ia memerlukan khidmat pakar dari pelbagai bidang, bermula daripada kebolehan penerbit mengumpul dana sehinggalah kebolehan penulis skrip menulis tingkat yang menarik penuh warna, iaitu keupayaan pengurus pengeluaran untuk merancang jadual, keupayaan penyelaras penerbit untuk menguruskan segala-galanya di dalam dan di luar set, pengarah menguruskan artis serta tenaga teknikal, jurukamera mencari "*shot*" di lokasi yang betul dan seorang *editor* (Mahadi J. Murat, 2006 dipetik oleh Abdul Razak Mohaideen, 2016)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

5 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

SKRIP PEMBUKA KATA TEMU BUAL

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatu dan salam sejahtera berikut adalah temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industri tanah air. Bersama-sama kami ialah Dato' Haji Amin bin Mohd Kassim atau dikenali sebagai Dato Amin Khan yang merupakan seorang artis veteran. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 30 November 2021 bersamaan hari Selasa pada 2 petang secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Temu bual ini dikendalikan oleh Muhammad Solehuddin bin Mazlan dan juga Wardah binti Jalil. Dengan segala hormatnya, temu bual dimulakan.

WJ: Dato, boleh kita mulakan?

AAMK: boleh boleh, okey.

WJ: okey

WJ: aaa bolehkah Dato...

AAMK: dengar ke suara?

WJ & MSM: aaa dengar2, jelas

AAMK: aaa okey2

WJ: Bolehkah dato cerita serba sedikit latar belakang mengenai dato?

AAMK: okey, nama saya sebenarnya, assalamualaikum okey assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatu. Saya terlupa pula sorry eh. Okey nama saya okey saya alu-alukan la muhammad solehuddin terlebih dahulu dengan wardah merupakan pelajar UiTM UiTM Segamat ye, okey. Okey betul UiTM Segamat. Okey saya ceritakan sikit mengenai diri saya, sebenarnya saya nama sebenar saya ialah Abdul Amin bin Mohd

Kassim, nama untuk untuk TV lah, TV ke layar perak ke Amin Khan. Jadi itulah nama saya yang selalu saya gunakan. Okey saya uhh bergiat aaa pada mulanya daripada kecik lah daripada umur dalam 15 16 tu saya memang meminat bidang theatre. Ah teater masa tu sebut drama kampung la, “Tanjung Wara”, tanjung wara kampung bila kita lihat uh apa tu drama2 kampung tu di pentas di rumah kahwin, di malam aneka ragam, di funfair. Saya, saya tukang tengoklah. Jadi disitu timbul minat saya, tapi saya tak terus pergi kepada uh bidang theatre bidang lakonan pentas tapi saya bermula dengan penulisan. Okey apabila saya mendengar masa tu ketika tu tahun 60an dengan 70an, kita ada menerima siaran Singapore kita boleh dapat radio Singapore kat kita, setiap siaran Singapore dengan siaran Malaysia uhm Malaysia ketika itu boleh dapat siaran Singapore kat kita. Bila tahun 80an baru di cut aaa kita tidak menerima lagi siaran Singapore, kita menerima siaran Malaysia kita sahaja. Jadi, semasa saya mendengar drama-drama radio yang dimainkan di Singapura tu kebanyakannya penulis dia penulis adalah penulis orang-orang kita, orang-orang Malaysia yang jadi penerbit dia banyaklah Bani Buang emm apa Jahlilawati sebagai penulis, ramai lagilah Singapore punya orang. Jadi saya dengar satu drama yang ditulis oleh yang ditulis oleh Mana Sikana uhh “Kaca-Kaca Terhempas di Batu”.

(WJ): takpa2

(WJ): takpa

MSM, WJ: terima kasih

MSM, WJ: ye betul

(WJ): emm

WJ: Kaca-kaca

AAMK: Bila saya dengar drama tu. Aah kaca-kaca terhempas di batu itu tajuk ditulis oleh Mana Sikana

WJ: Kaca-kaca terhempas di batu, okey

AAMK: Okey, apabila saya mendengar uh drama tu saya saya rasa saya rasa ish aku ni nak jadi penulis lah. Aku nak tulislah. Kalau aku boleh tulis drama radio ni kan ke bagus aku boleh tulis cerita-cerita kisah-kisah apa-apa kisahlah. Jadi kita rasa ada kisah kita, kita boleh cerita meluahkan perasaan kita melalui drama tu.

WJ: Dia kiranya daripada segi luahan dato lah? Dia macam dari segi minat pastu dato rasa macam eh aku nak buat lah kan macam tu. Maksudnya luahanlah.

AAMK: aah aah aah. Luahan tu tidak lah luahan juga, kita ada cerita konon-kononnya aku kalau aku boleh menulis. Aku nak tulislah drama begini-begini kan ahh.

MSM: Oh angan-angan lah. Anggan dato (sambil senyum)

WJ: Angan-angan. Ah faham faham (sambil senyum)

AAMK: Angan-angan. Aku nak buat drama begini. Jadi kalau aku tulis dapat tuliskan bagus. Jadi saya tak tahu tau nak tulis drama radio tu macam mana. Adakah dia format, format dia drama pentas ataupun format dia drama TV. Saya tak tau skrip dia macam mana, bentuk skrip saya tak tau. Jadi, saya ahh mencari, mencari kawan-kawan aah masa tu kita masuk Persatuan Penulis Daerah Kerian, nama dia Persatuan Penulis Daerah Kerian singkatan dia PERENTAS. Jadi kami uh mula bergiat kat situ "Oh dapat dia punya format dalam Dewan Sastera". Saya suka baca Dewan Sastera beli Dewan Sastera kita baca-baca bulan depan beli lagi. Dalam beli-beli tu ada satu format dia mengajar kita macam mana format menulis drama radio. Oh macam ni menulis drama radio. Jadi, saya dapat, dapat format tu haa. Bila dapat format tu saya mulalah

menulis, tapi menulisnya saya hantar kat radio Kuala Lumpur, Singapore. Kemudian, saya hantar kat radio Pulau Pinang. Semuanya reject. Cerita budak-budakkan 15 16 tahun.

WJ: Sedih (sambil ketawa)

MSM: Jadikan, saya nak tanya pada masa dahulu memang cerita tu dihantar ke radio lah?

AAMK: Hantar ke radio, radio Singapore

MSM: Oh okey okey okey radio Singapore okey

AAMK: Tapi yang bagusnya yang bagusnya, radio Singapore bila kita hantar, dia dia reject kita punya tapi dia bagi satu ulasan, dia bagi satu ulasan, dia ulas. Dimana tak betul, dimana tak bagusnya, plot yang tak bagusnya, cerita biasa ke, dialog tak bagus ke dia ulas. Kemudian dia bagi satu format, dia bagi satu skrip contoh yang terbaik dia bagi ialah satu cerita yang dah main di Singapore. Dia bagi kita. Jadi kita pun baca skrip tu macam mana. "Oh patutlah aku punya ni reject, cerita aku ni tak bagus kot".

WJ: So, Dato boleh tahu kekurangan lah kekurangan skrip dato, formatnya, kekurangan kelebihan. Faham Faham.

AAMK: Itulah mula-mulanya saya bergiat sebagai penulis penulis. Kemudian di samping itu, saya mulalah menulis ahh apa dalam radio, rencana untuk surat khabar, kemudian puisi. Tapi tak tak berapa banyak sangat, saya suka tulis drama radio. Haa cerpen saya tak boleh buat, tak reti tak pandai. Jadi itulah permulaan saya macam mana bergiat drama. Haa itulah

WJ: Faham faham faham. Daripada dato tak tau format terus hantar dekat radio Singapore, Malaysia. Faham. Okey Dato, ini macam mana dato bergiat kan

dalam industri ni. So kita nak cari, nak dato ceritakan lebih sedikit mengenai macam nama panggilan dato. Nama panggilan dato?

AAMK: Okey, begini. Apabila tadi kita balik sambung sikit drama tadi haa.

WJ: Boleh boleh.

MSM: Okey boleh boleh dato.

AAMK: Saya tak menggunakan nama Amin Khan sebenarnya, saya menggunakan nama menggunakan nama lain. Macam-macam nama lah. Macam-macam nama lah, saya lupa lah. Macam-macam nama saya taruk punya. Semuanya reject reject reject. Okey fine takpa reject. Tapi saya simpan skrip tu, saya simpan eh. Saya tak buang. Okey, masa tu pun saya menulis drama radio dengan tangan tau. Menulis dengan tangan. Tidak menulis melalui typewriter, typewriter pun tak ada. Mana ada typewriter saya orang kampung. Kita nak beli pun masa tu 200 300 ratus juga.

WJ & MSM: Mahal lah

AAMK: Mahal. Macam-macam jenama ada. Jadi mahal. Jadi kena tulis tangan. Okey, saya simpan skrip tu. Ada semua skrip saya simpan. Letak tepi, biarkan dia. Kemudian, saya bergiat bila satu hari ada orang tu macam bapa saudara la dia kata, “eh kau, mai kita join drama”, dia kata macam tu. Saya kata, “drama apa Pak Long”. Saya panggil dia Pak Long meninggal dah pun. Pak Long Saari ni dia selalu dari Kuala Kurau ni, tempat lahir saya Kuala Kurau. Dia pergi Kuala Lumpur dia ada berlakon drama minggu ini, sikit-sikitlah tapi dia ada buat teater di Kuala Lumpur dengan arwah Sarif Tan. Dia balik ke Kuala Kuala Kurau, dia kata meh kita beli apart B ni kita tubuhkan satu kumpulan drama dia kata. Saya kata “drama apa Pak Long”. Takpalah dia ajarlah, dari situ kita kumpul- kumpul banyak orang dalam 12 15 orang. Lelaki perempuan kita buat latihan. Dia lah mengajar, dia mengajar, dia

mengajar. Starting kita. Di situlah timbul minat kita untuk berteater. Di samping theater tu saya tulis juga drama radio hantar reject lagi. Nama bukan Amin Khan nama lain, okey. Apabila kita dah berlakon drama teater kita buat-buat dapat idea. Jadi saya ambik balik skrip saya yang lama-lama tu yang tak yang reject tu, ada satu tajuk tu saya ubah tajuk kepada “Pengorbanan”. Pengorbanan saya hantar kat radio Malaysia Ipoh, Ipoh ketika itu. Saya hantar situ. Saya ubah nama saya, macam mana timbul nama tu saya pun hairan sebab saya bukan keturunan Khan. Walaupun bapa saya ni India.

WJ: Oh Ye ke (sambil gelak kecil)

MSM: (Ketawa)

AAMK: Bukan,bukan. Nama saya betul tadi Abdul Amin Bin Mohd Kassim, Jadi saya bubuh Amin Khan. Kebetulan bapa saya ni dia orang india muslim tau, dia india muslim asal daripada India. Dia kahwin dengan mak saya orang melayu. Okey, lepas tu saya fikir-fikir apa aku nak bubuh, aku nak bubuh Amin Khan lah. Jadi, saya duk fikir Amin Khan. Abdul Amin betul dah, Khan tu bapa saya hilang Kassim tu hilang timbul Khan. Saya hantar ke radio Ipoh Mesir Ipoh, tak sampai sebulan drama tu disiarkan kat radio Malaysia Ipoh. Cerita yang dah reject dah tu, saya repair balik semula elok-elok main di radio Malaysia Ipoh. Sejak dari tu lah bermulanya nama tu menggunakan nama Amin Khan. Jadi terus nama tu kekal lah, saya menggunakan nama tu sampailah sekarang.

WJ: Kiranya nama Amin Khan ni sebagai komersial lah?

AAMK: Aah Membawa tuah lah

WJ & MSM: Membuah tuah

AAMK: Membawa tuah haaa.

MSM: Nama tu seakan-akan pelakon terkenal Bollywood, Amir Khan.

AAMK: Amir Khan, Amir Khan.

WJ: (ketawa)

AAMK: Jadi bila cerita orang tanya sekarang cik nama apa cik tengok cik berlakon kat TV tu semua. Saya kata, “nama saya Amin Khan”. Cik betul-betul lah cik jangan tipu. Ye betul la saya cakap nama saya Amin Khan. Betul ke? betul lah. Ada tengah telefon tu Amin Khan haa tipu lah nak menyamar. Kita bukan menyamar, memang nama samaran saya Amin Khan, nama betul saya gini gini gini. Kalau kita, nama samaran ni kadang-kadang ada membawa satu berkat lah, satu tuah. Serupa juga dengan Professor Hatta Azad Khan, memang dia betul Khan. Dia berjumpa baru ni dengan saya, dia jumpa dia tanya “Dato, Dato Khan mana?”, dia kata. Khan Kelantan ke? Takda, saya Khan menipu saya cakap kat dia. Jadi dia gelak lah. Professor Hatta Azad Khan memang Khan betul. Saya Khan tipu, saya kata. Dato Johan Jaafar, dia wartawan apa semua kan. Dato Johan Jaafar ni satu ketika menggunakan Jaafar Khan. Jaafar Khan tu, Khan tu membawa tuah kepada dia. Dia Dato Johan Jaafar kadang-kadang kalau dia ada tulis artikel kat paper ke apa Johan Jaafar, Dato ke Dato Sri. Dia juga seketika menulis drama-drama untuk drama minggu ini di stesen RTM dia juga menggunakan nama Jaafar Khan, itu adalah dia. Jaafar Kamin pun menggunakan nama Khan juga sama juga. Tak tau kita memang Khan membawa tuah.

MSM: Khan membawa tuah lah.

AAMK: membawa tuah kepada kita. Jadi itu lah, selepas itu, mula lah saya bergiat dalam teater kat kampung. Kampung tu berlakon lah untuk drama 31 Ogos, itu lah ini lah apa semua, jadi saya belajar, saya belajar menimba ilmu yang tidak formal. Yang tidak formal, bukan formal yang tidak formal. Menimba ilmu yang tidak lengkap. Jadi, berguru dengan orang yang tidak lengkap tapi dia tahu drama tapi dia pun tidak lengkap.

Jadi kita belajar, belajar. Lama-lama, apabila saya. Dulu zaman 70an ada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Masa tu tak lahir lagi, Wardah dengan Solehuddin tak lahir lagi.

MSM: Belum lahir lagi, belum lahir lagi (ketawa kecil)

AAMK: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dulu ada membuat pertandingan Pesta Drama dan Tarian. Ni macam kita kat Perak, kita masuklah bertanding di Ipoh peringkat Zon Utara. Kedah Kedah lah, Perak Perak lah, Pulau Pinang Pulau Pinang, Perlis Perlis. Jadi, kita ni semua yang dari Kerian, Kuala Kurau, Parit Buntar ni bertanding di Ipoh. Memang jangan haraplah kita nak menang sebab yang bertanding tu UPSI, kumpulan kelab-kelab diraja inilah, kelab Bomba, Kelab Polis, Tentera, apa, Diaorang drama diaorang kuat-kuat yang paling kuatnya Kumpulan Seni Budaya Ipoh yang kuat. Lagi Sedra Megat Saiful Bahari yang kat Taiping. Lepastu UPSI, masatu MCSI Maktab Perguruan Sultan Idris, sekarang UPSI.

WJ & MSM: Sekarang UPSI (soleh menggaguk kepala)

AAMK: Dulu lain. Diaorang ni kuat-kuat, diaorang ni baka-baka guru semua memang maktab NI maktab tu Maktab Ulu Kinta lah. Kemudian, kita ni tak bagus ke belakang lah tapi dinilai juga dari situ siapa yang berpotensi, siapa yang ada satu karisma untuk jadi pelakon. Selepas dah di nilai-nilai tu, saya berbalik di Kerian tak menang lah. Lepas tu, satu ketika dipanggil oleh Jabatan Belia Sukan di Parit Buntar tu Kerian semanggi --. Dia panggil saya, dia kata "kamu ditawarkan untuk berkursus". Saya kata kursus apa Cik Mail, dia kata drama yang bertanding haritu tak menang. Memang kita tak menang pun tapi oleh kerana bakat dalam banyak-banyak kumpulan kita awak seorang ditawarkan berkursus di Ipoh selama 2 minggu. Saya mewakili Kerian, ada lagi mewakili Ipoh. ada lagi mewakili Tanjung Malim itu ini ramai lah. Ramai kat Ipoh yang organize kursus kursus lakonan tu dalam Oki Muraza. Oki Muraza ni dia memang kuat lah, Badan Seni Budaya Ipoh dia memang kuat. Dia

organizekan kursus tu selama dua minggu di Tapis Gelanggang. Dulu panggil Tapis Gelanggang di Ipoh tu, Kampung Simee. Di situ lah kami berkhemah, kami berkampung selama dua minggu. Seluruh negeri Perak tu berkursus. Barulah di situ, kita mendapat latihan formal bagaimana Onimuraza kita mengajar cara lakonan pastu budak-budak USM yang ambil kursus bidang teater datang mengajar kita muzik dalam drama, lakonan dalam drama, macam-macam lah lagi. Vokal, macam mana lontaran suara kita.

WJ: Lontaran suara.

AAMK: Dapatlah latihan secara formal. Lepas tu dalam bila habis dah kursus tu semua, saya masuk tentera sebenarnya.

WJ: Oh masuk tentera.

MSM: Ohh

AAMK: Saya masuk tentera dalam dah tulis...

WJ: dalam berapa lama tu dato?

AAMK: Tentera 5 tahun je. Dalam tahun 80 sampai tahun 85 saya berhenti. Saya berhenti tentera. Saya tak berminat sebab darah kita darah seni ni dia halus.

WJ: Berdarah seni faham faham.

AAMK: Walaupun kita minat, tapi tak sesuai lah dengan kita. Saya berhenti tahun 85. Lepas berhenti 85 tu, saya bergiat balik teater. Saya balik saya mengajar, saya pula mengajar orang-orang berteater kat kampung tu dan drama tu saya sendiri berlakon saya sendiri mengarah, kumpul-kumpul orang sehinggalah saya dapat sebagai pelakon lelaki terbaik daerah Kerian dalam drama 'Gegar', drama Gegar tajuk dia.

MSM: Gegar tu adalah drama pertama dato lah?

AAMK: Bukan, itu setelah saya berhenti.

MSM: Oh, setelah berhenti.

AAMK: Tahun 85 ke atas tu saya balik saya minat, saya kumpul-kumpulkan budak-budak saya buat satu drama bertanding di satu pertandingan di Kerian sahaja, kami kumpulan Kerian sahaja. Daripada Kuala Kurau saya, daripada Tanjung Piandang ada, daripada Bagan Serai ada, daripada Parit Buntar, ada lagi mana-mana kumpulan lagi ada dalam lapan kumpulan kami buat di Bagan Serai. Disitulah saya dapat pelakon lelaki terbaik, drama Gegar tu.

WJ: Maksud. Mesti dato teruja balik je terus dapat anugerah. Mesti macam seronoklah, seronok.

AAMK: Takdalah seronok apa, kita dah biasa macam tu kan. Biasa lah.

WJ: Oh dato dah biasa, yelah yelah.

AAMK: Pastu dalam tahun 80an juga, masa saya dalam tentera 81. Saya banyak buat drama-drama radio kemudian saya buat drama TV, ada juga drama TV saya yang main macam “Penantian” lah, banyak drama TV dirakam. Kemudian apabila saya masuk tentera, saya tak buat drama TV saya buat drama radio banyak. Dalam tentera pun saya buat drama radio jugak. Bila saya dalam tentera tu dipanggil untuk berkursus kat IPPTAR (Institut Penyiaran Tun Abdul Razak) di RTM. Saya dipanggil untuk berkursus selama sepuluh dua belas hari gitu. Jadi di situ, saya berkursus, kursus tentang penerbitan dan juga penulisan. Kat situ adalah Atondra ada, Nuri Angkasa ada, Azi Abar, banyaklah orang-orang kat RTM tu memberi dedahan bagaimana untuk menulis drama-drama TV. Sebab drama TV ketika itu banyak memaparkan berkonsepkan drama

pembangunan. Drama pembangunan macam mana kita nak menjana ekonomi kita, macam mana kita kampung boleh buat satu usaha membela lembu untuk menaikkan ekonomi kita. Banyak pembangunan, tak macam drama sekarang. Drama sekarang kita nak buat tema apa pun boleh. Drama dulu-dulu diberi tema.

WJ: diberi tema.

AAMK: Haa Tema. Dia kata banyakkkan pembangunan sebab ketika itu 70-80an tu kita baru nak membangun, negara kita baru nak membangun. Nak menjana ekonomi macam mana. Kalau nak buat love story pun antara budak perempuan ni dengan budak lelaki ni di kampung pun, tapi budak kampung ni budak lelaki ni mesti ada satu sikap satu ideologi satu pemikiran macam mana nak memajukan diri dia.

WJ & MSM: betul-betul, faham (mengangguk kepala)

AAMK: Dia bela kambing ke, dia buat kebun sayur ke, dia buat kebun itu ke bela kambing ke tapi pembangunan. Haa macam tu, tapi adalah story dia. Haa dia kena fikir macam tu, tak boleh kita buat dia bercinta kampung tanpa kerja tanpa apa tak boleh. Itu memang terus reject punya.

MSM: Dia apa-apa genre pun dia akan selitkan unsur pembangunan lah?

AAMK: Ya, ketika itu. Konsep propaganda, membantu kerajaan, membangunkan ekonomi negara. Dia ada konsep tu. Macam kita belia pergi FELCRA. Haa macam tu lah cerita dia. Dia kena fikir, kena fikir semua tu.

WJ: Faham.

AAMK: Lepas tu dah kursus, balik. Kami dalam kursus tu masa tu penulis Wahid Nasir. Dia ada buat satu drama "Opah". Opah ni ilham dia daripada Anjang Aki. Kalau you ingat satu cerita Anjang Aki dia ada beberapa

siri, itu lelaki. Dia pula buat satu drama opah mengenai perempuan, atuk perempuan ni. Dalam pada kami kursus tu dalam 2 hari nak habis kami berbincang bersama kumpulan dengan Azi Abbas apa semua dia nak melahirkan satu drama bersiri berbentuk perempuan pula Opah dia kata. Drama opah dia dah buat Wahid Nasir dia dah tulis tapi kita sambung Opah ni menjadikan siri. Sekarang ni ada tayang kat TV1 ke TV2 pukul 12 ke pukul 1 tayang opah tu. Kalau ingat, ni Solehuddin ingatlah Wardah, kat TV1 kan. Tapi saya ni takda pun. Dalam pada bincang tu, kita ada 26 kursus dia kata nak 26 skrip. Dari 26 skrip ni kita akan pilih 13 skrip dia kata. Yang lagi 13 kita tolak dia kata. Jadi kita balik kita pun tulis lah, kita bersetuju lah untuk buat drama Opah tu. Saya punya terpilih lah untuk Opah siri pertama. Siri kedua pun terpilih juga. Lepastu saya tak tulis lagi sebab sibuk dengan tentera saya langsung tak tulis lagi Opah. Saya langsung terkeluar daripada senarai drama bersiri Opah. Pastu masa tu kita bekerja, terkongkong dengan tentera kita. Kita nak pergi meeting setiap hari sabtu petang ada meeting. Jadi saya tak tulis lagi lah dua siri sahaja saya tulis, siri pertama dengan siri kedua. Tu lah, selepas opah tu, saya berhenti 85 meniaga lah sendiri. 86 saya terlibat dengan satu syarikat, syarikat penerbitan drama-drama. Kalau Solehuddin dengan Wardah ingat. TV3 masatu baru beroperasi, jadi syarikat ini kawan saya juga tolong ni nama dia Sarip Tan. Dia ni pun guru theatre juga yang mengajar saya juga. Dia bekerja di syarikat Pyramid Home Video yang berpangkalan di Johor Bahru. Pyramid ni mengeluarkan drama telemovies setiap satu bulan sekali untuk TV3 khas, kontrak dengan TV3. Jadi, dia banyak nak ambik orang yang boleh menulis, orang yang boleh berlakon, orang yang apa semua dia ambik. Jadi saya pun pergilah dipanggil di Johor Bahru naik kereta api lah kan. Kat Johor Bahru, Sarip Tan pergilah tempat yang dia kata tu kat studio tu duduk relax. Besok tu, barulah kita di interview, yang menginterviewnya saya KM Busk Karen. KM Busk Karen ni pengarah India lama. Masa zaman-zaman Katy Kris dulu, dia mengarah filem-filem Sultan Mahmud Mangkat Dijulang. Kalau ingat. Cuba cari CD tu, ada DVD haa dia pengarah. Pastu Raja Bersiong dia mengarah, Selendang Delima dia mengarah. KM Busk Karen ni India tapi india ni

bapak dia bekerja di, dia dari India tapi bapak dia bertugas di Malaya lah ketika itu, jadi apa tak tau. Dia boleh cakap melayu cakap english. Tua dah, masa dia interview saya tu dia dah dekat 70an dah. Jadi dia interview, dia suka lah. Dia kata boleh bekerja. Okeylah, maka bekerjalah saya di Pyramid Home Video. Lepas bekerja, buat satu cerita "Cinta tak Bermata". Tajuk cerita tu Cinta Tak Bermata. Tugas saya di Pyramid Home Video ni bukan sahaja sebagai penolong pengarah, saya sebenarnya sebagai apa ye translator daripada filem-filem India. Maka, filem hindustan ke dia bagi tengok, tape tu dia bagi tengok. Kemudian, saya mengcopykan cerita tu jadikan cerita melayu. Haa tu lah kerja saya.

WJ: Kiranya dato boleh faham bahasa India lah, bahasa hindi tu boleh faham lah?

AAMK: Hindi tak faham, tapi tengok ceritalah. Kita tengok orang tengok cerita. Tapi India tu boleh sikit-sikit sebab saya sekolah Tamil untuk pengetahuan saya bersekolah Tamil daripada darjah 1 sampai darjah 6. Kemudian saya pergi English Museum sampai MCE. MCE tu sampai macam SPM sekarang lah, tapi aliran english.

WJ: Dato dekat mana tadi? SPM tu daripada? Dekat? Tempat.

AAMK: Dekat Kuala Kurau lah, dekat di Padang Serai lah, Kalau Kurau.

WJ: MSU eh? tadi

AAMK: MCE (Malay Certificate Education)

MSM: MCE

MSM: oh okey okey

WJ: Oh faham faham

AAMK: Kalau sekarang ni SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) kan? Dulu MCE. Aliran English dia panggil MCE. Sekarang ni tak ada lagi lah. Semua SPM. Lepas pada itu, saya tukang melihat cerita-cerita tamil tadi, cerita tamil ke, cerita hindu ke, apa semua dia bagi saya, Saya tukang lah tengok. Kadang-kadang dia keluarkan cepat dia tak bagi saya. Diaorang hantar dulu skrip-skrip cerita-cerita tu kat Indonesia. Ni kerja diaorang, diorang hantar dulu kat Indonesia. Kemudian, dia hantar balik skrip dua tiga skrip dalam bahasa Indonesia. Siap dengan screenplay, siap semua lengkap. Dia bagi dia kata, “you amik skrip ni translate to melayu, bagi jadi melayu”. Jadi, saya ambil skrip Indonesia tu, saya mengubah tatabahasa dia, mengubah cara bahasa dia, menjadikan bahasa melayu. Kadang-kadang bahasa Indonesia ni kita tak faham, bila dia kata ‘seorang budak sindir dia’, “seorang budak tengah berlari membawa Koran”. Saya dah pening. Takkan budak berlari membawa koran. Saya pening apa koran ni. Jadi saya tanya kepada pengarah tu Sarip Tan, “abang Sarip apa maksud skrip ni budak ni berlari tapi bawa Al-Quran ke abang Sarip”. Pastu dia gelak kat saya. Dia kata bukan bawak Quran, dia bawak surat khabar.

WJ: Haah. Koran tu dalam bahasa Indonesia surat khabar. Haah

AAMK: Surat khabar. Betul kan?

WJ: Betul-betul.

AAMK: Kita tak terdedah dengan bahasa Indon, kita budak kampung tak tau apa benda. Apa benda Koran. Ada banyak lagi bahasa yang kita tak faham tapi kita boleh tangkaplah. Oh ini ini begini begini. Jadi daripada skrip Indon itu, teamplay dia kita tak ubah, kita ubah dialog dia. Kita pendekkan kita ringkaskan untuk sesuaikan dengan Bahasa Melayu. Itu kerja saya. Sehingga, satu hari cerita yang saya pinda tu, tu bukan skrip Indonesia. Saya punya skrip sendiri yang cerita di bagi tajuk dia “Cinta Tak Bermata”. Bukan saya nak belakon pun, saya hanya buat skrip dan buat apa semua lengkap, diaorang lah mengarah pelakon-pelakonnya mestilah pelakon yang diorang selalu yang berlakon Harun

Hashim, yang kat Johor nya Sharifah Rokiah, apa banyak lagi lah. Lepas tu satu hari, tawaran tu diberi hero dia diberi kepada Harun Hashim.

MSM & WJ: Harun Hashim.

AAMK: daripada Kuala Lumpur nak datang ke Johor untuk berlakon. Semua lokasi kat Johor lah. Lepas tu, Harun Hashim ni tidak dapat datang sebab dia banyak tugas-tugas dia. Masa tu dia kerja dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Dia bekerja sebagai tukang jahit buat baju-baju ni. Jadi, dia tak boleh nak datang, tak boleh nak minta cuti. Jadi hero tak ada, lusa dah nak jalankan penggambaran. Masatu, KM Busk Karen ni dia sebagai consultant tau. Dia sebagai penyelaras, dia melihat apa kita buat. Pengarah dia orang lain, pengarah dia Sarip Tan pun ada. Masatu Yus N Melly, papa Yus kita panggil. Yus ni dah meninggal. Dia nak mengarah, dia buat laporan lah tak boleh ini ini ini. Jadi bincang, duduk tu bincang siapa nak ambik watak ni, nak panggil siapa lagi. ND Lala tak boleh, Harun Hashim tak boleh, ini tak boleh. Banyak yang tak boleh. Helmi Husaini tak boleh. Jadi, saya buat tak tau je lah. Saya dok kira saya punya hal lah. Buat lah catatan ke apa.

WJ: Buat-buat dok tak tau lah eh.

AAMK: Buat-buat tak tau lah. Kita dengar orang bincang pelakon mampui je la. Kita tengok skrip, skrip kita ni apa yang diaorang nak komen, apa yang diaorang nak cakap. Apa yang dia orang nak tambah baik pasal skrip kita. Dia dok pandang saya, Busk Karen pengarah India yang consultant. "Sarip, come here, why not we try this person". Dia kata try dia, kita test dia, kalau dia lulus kita bagi dia berlakon. Abang Sarip kata, Amin kau nak berlakon kan, kalini kau punya giliran. Semua orang tak boleh, kau yang boleh. Tak payah lah abang Sarip. Boleh la try, dia kata. Tu uncle KM Busk Karen yang nak kau, dia yang panggil aku dia nak kau. Makeup situ juga kat studio tu. Dia ada satu studio di Johor Bahru. Rumah Banglo tu kita buat studio. Saya pun pergi lah belakang makeup apa siap, saya diambil screen test. Screen test tu ujibakat lah. Dia nak

tengok memek muka kita, marah, kita ketawa, kita sedih, kita itu kita ini. Semua dia suruh buat lah ketika itu. Jadi, saya buatlah. Dia ambil tape tu dengan video tu hantar dekat boss kat Singapore. Boss Singapore kata okey, "I like this guy", dia kata. Esok dia datang dia kata "you siap, esok shooting". Macam tu je, kita pun skrip tengah menghafal. Itu lah bermulanya saya berlakon drama lah, Drama TV. Bermulanya di Pyramid. Tahun 87.

WJ: Drama tu tajuknya apa dato?

AAMK: Yang mana?, Yang mana?

WJ: Yang dengan Raja, Raja apa tadi pengarahnya?

AAMK: Yang dengan pelakon Sharifah Rokiah tadi?

WJ & MSM: Haah (mengangguk kepala)

AAMK: Cinta tak Bermata. Okey, nak terang sikit cinta tak bermata tu kalau tengok filem ada satu filem yang dilakonkan oleh Rosyam Nor dengan Lidyawati. Suami isteri dot dot dot. Tengok tak?

WJ: Ohh. Macam perasan.

AAMK: Bukan perempuan isteri dot dot dot. Bukan itu, itu cerita lain. Ni ada Rosyam Nor berlakon anak dia pakai cermin mata besar kan dengan Lydiawati. Suami isteri dot dot dot. Selepas perempuan isteri dot dot dot tu. Yang Lydiawati naik bas semua, gaduh dengan lelaki dia apa semua. Cerita itu lah. Sama sebiji. Itu adalah cerita India (gelak kecil).

WJ & MSM: Ohhh

AAMK: Saya dulu berlakon dengan tajuk Cinta tak bermata tu sebelum Rosyam Nor berlakon diarahkan oleh Pan Shah. Suami isteri dot dot tu. Saya

dulu berlakon untuk drama TV lah tu di TV3. Diorang buat filem untuk panggung wayang. Itulah cerita dia.

WJ: Kiranya cerita Cinta Tak Bermata tu dia ceritakan pasal family lah kiranya, kekeluargaan.

AAMK: Kekeluargaan. Tentang suami isteri yang tidak bersefahaman, bercerai-berai, ada anak sorang. Jadi anak ni lah yang menyelamatkan diaorang balik. Padahal kasih sayang tu ada. Si perempuan tu pun sayang suami dia, suami dia sayang perempuan tu. Tapi oleh kerana tak ada aliran.

WJ: Takda Miscommunication lah.

AAMK: Miscommunication tu jadi diaorang berpisah. Akhirnya, diorang berbalik kerana anak itu. Tapi cerita yang sama tapi dari segi pembikinan dia agak berlainan. Ini TV, itu filem kan. Dia tak sama, dia lain sikit lah, sebab pengarah pun lain. Sana pengarah orang lain, dia tiru yang India punya bulat-bulat. Kita punya dah ubah kepada konsep kemelayuan.

WJ: Kiranya, ketika itu dato ialah hero lah dalam cerita tu?

AAMK: Ya. Jadi hero (ketawa)

WJ: Mesti dato handsome masa tu, kalau tak mesti pengarah tak terima.

AAMK: (ketawa) jadi hero la ketika itu.

WJ: Lokasi penggambaran itu dalam Ipoh lah kan?

AAMK: Di mana, yang tadi cinta tak bermata tu?

WJ: Cinta tak bermata.

AAMK: Bukan, di Johor Bahru.

WJ & MSM: Di Johor Bahru (mengangguk kepala)

AAMK: Di Johor Bahru, sebab semua lokasi tu dekat Johor Bahru. Dia punya syarikat pun kat Johor Bahru, Pyramid ni kat Johor Bahru. Semua kat Johor Bahru. Jadi, keseluruhannya kat Johor Bahru lah kita buat ketika itu.

WJ: Faham.

AAMK: Okey, setakat tu dulu, kita break kat situ dulu apa lagi. Nanti kita sambung apa lagi selepas itu kan.

WJ: Boleh, dato nak minum air dulu pun boleh, rehat dulu.

AAMK: Takda apa. Kita terus je, kita terus je lah.

WJ: Okey.

AAMK: Dia punya kesinambungan kita sambung kemudian. Okey, apa soalan lagi setakat dulu. Ada soalan yang nak dikemukakan?

WJ: Banyak ni dato, banyak sangat (ketawa).

AAMK: Kita break kat situ dulu, nanti kita sambung kemudian ya.

WJ: Boleh-boleh

AAMK: Ada soalan lain nak tanya? Berapa orang adik-beradik? (ketawa kecil)

WJ: Ya. Tadi kita teruskan dengan nama panggilan dato tadi, Dato Amin Khan. Sekarang umur dato dalam berapa tahun tu? Umur dato sekarang.

AAMK: Enam puluh enam.

WJ: Oh muda lagi.

AAMK: Tarikh lahir 18 bulan 8 1955. 66 muda ke lagi apa (ketawa kecil).

WJ: Abah saya lagi berumur.

AAMK: Dia tahun berapa lahirnya?

WJ: Mak saya 1957, abah saya 1954, setahun je lah.

AAMK: Tua setahun je lah. 68, saya tahun 55.

SM & WJ: (ketawa)

AAMK: Enam orang adik beradik.

WJ: Enam orang adik beradik, dato merupakan yang ke berapa?

AAMK: Nombor empat.

WJ: Nombor empat. Daripada berapa dato? Berapa perempuan, berapa lelaki?

AAMK: Perempuan satu dua tiga empat. Empat perempuan. Nombor satu perempuan, dua perempuan, tiga perempuan, empat lelaki saya, lima perempuan, enam lelaki.

WJ: So dua lelaki, empat perempuan.

WJ: Tempat tinggal dato yang dulu dan sekarang masih kekal sama ke atau dato berpindah?

AAMK: Saya duduk di Seremban.

WJ: Seremban

AAMK: Pasir Sikamat, Seremban depan Maktab Perguruan Raja Melewar di Seremban.

WJ: Oh, pernah lalu pernah lalu.

AAMK: Sikamat. Okey, Solehuddin ada apa, Solehuddin nak tanya? (ketawa kecil)

WJ: Senyap je (ketawa)

MSM: (ketawa)

AAMK: Solehuddin senyap je, ada apa-apa? Apa-apa tanya saja. Kita jawab lah apa pun yang kita boleh jawab. Kita sambung ke? Nak sambung tadi punya cerita.

MSM: Dato lahir kat mana? Dimanakah dato dilahirkan?

AAMK: Saya dilahirkan di Kampung Pandak Putih, Kuala Kurau, Perak di Perak.

MSM: Oh, di Perak.

AAMK: Kampung Pandak Putih, Kuala Kurau, Perak. Sekarang ni berumur 66 tahun lahir pada 18.8.1955. Sekolah Tamil.

WJ: Sama2. Sama bulan dengan saya Dato. (ketawa)

MSM: Semua nak sama ch (ketawa)

AAMK: Wardah bulan berapa? Bulan 8 juga.

WJ: Aah, tapi saya 10. Beza 8 lah.

AAMK: 10.8. Saya bukan tahun 55. Tahun 90an, tahun 2000 (ketawa)

WJ: Faham (sambil senyum)

**MSM: Okey. Seterusnya, saya nak tanya berkaitan, soalan berkaitan keluarga lah.
Boleh dato kongsi sedikit tentang keluarga dato?**

AAMK: Tentang keluarga saya?

WJ: Betul (mengangguk)

MSM: Ya, betul.

AAMK: Okey2. Keluarga saya sebanyak seramai sebanyak pula. Seramai 6 orang. Perempuan nombor satu, nombor dua, nombor tiga, yang empat saya. Lima perempuan, enam lelaki. Okey, kakak saya yang sulung yang pertama dengan nombor dua tu dah meninggal2. Dah lama dah meninggal. Kemudian, nombor tiga masih ada dekat Trolak. Nama dia Jamaliah binti Mohd Kassim di Trolak, suri rumah. Sekarang dia pun dah 68 lah umur dia. Kemudian, nombor empat saya, 66 umur. Masih bergiat aktif dalam bidang drama. Kalau di panggil saya pergi lah, kalau tak dipanggil tak ada lah kan. Jadi, itu lah hidup seorang pelakon. Kemudian adik saya seorang guru yang baru bersara, berumur 62, 63 sekarang, 64 lah sekarang, 64 tahun. Dua tahun X 3 berselang. Jadi dia 64, saya 66, kakak 68. Dalam keluarga saya yang perempuannya tidak ada langsung mengikuti jejak kata nak berlakon ke apa ke tak ada.

WJ: Tak ada dalam industri seni tu lah.

AAMK: Haa tak ada. Seni diaorang melihat-melihat saja. Melihat suka-suka, melihat drama TV ke apa ke kat TV itu suka itu je lah. Tapi diaorang

nak bebas seperti lelaki tidak, sebab bapak saya ni seorang Indian muslim. Indian muslim ni dia memang tegas kepada anak-anak yang anak apa, anak perempuan. Bukan sewenang-wenangnya nak keluar nak itu nak ini, tidak, tak boleh. Sekolah pun diaorang tak tinggi. Sekolah ada darjah enam, ada darjah empat, tak reti baca terus pergi kelas dewasa, belajar kelas dewasa. Bukan tak cerdik, saya melihat diaorang ni pandai, cerdik. Kakak saya sekolah darjah tiga yang kedua. Tapi darjah tiga dulu kalau tak pandai tak naik kelas. Dulu, orang dulu-dulu kalau sekolah darjah satu misalnya dah besar, bukan tujuh tahun. Maybe 10 tahun. Tapi kalau dia periksa tak lulus, dia still duduk darjah satu. Tahun depan dia masuk lagi orang lain, dia periksa lagi tak lulus lagi, dia duduk je satu lagi sampai dia lulus periksa tu baru dia pergi dua. Tapi kakak saya tidak. Kakak saya darjah satu lulus, darjah dua lulus, tiga lulus. Bapak kata apa, korang kalau pandai pun, besok mengaji tinggi-tinggi pun tak pi ke mana duduk kat dapur masak. Jadi, tak payah sekolah. Itu konsep mamak ni.

WJ: Aah, aah.

AAMK: Dia jaga anak dia betul-betul. Kau pandai macam mana pun korang duduk di rumah je masak kat laki korang, tak payah sekolah. Jadi kakak saya sampai darjah tiga, darjah tiga. Boleh baca paper, jawi, semua boleh baca, Quran boleh baca tak ada masalah. — Dia cerdik lah kan, pandai, otak yang bagus.

WJ: Betul-betul.

AAMK: Nombor dua pun begitu juga. Darjah dua darjah tiga dah berhenti. Tak sekolah, jadi suri rumah. Tapi boleh baca, baca surat, baca surat khabar, baca itu baca ini, semua boleh. Nombor tiga pun sama, kakak Jamaliah tu pun sama. Tapi boleh pergi kelas masak, kelas itu, kelas dewasa, kelas dulu ada alah kita panggil apa kat kampung-kampung tu. Perempuan kampung anak dara ke diaorang ada belajar buat kuih, belajar. Kita

panggil kelas apa (garu kepala), apa kelas lupa dah kita. Kelas buat buah betik jadikan jeruk.

WJ: Ohhh

AAMK: Kelas apa tu kita panggil, buat masak, buat kuih-kuih, buat itu, kursus menjahit, itu ini. Macam cerita P. Ramlee tu, – boleh menjahit, boleh memasak, boleh buat ini, gubah bunga. Haa, dia masuk kelas itu kat kampung, ada guru datang mengajar. Cerdik, pandai. Lepas tu, saya. Saya lelaki belajar lah tinggi sikit, yang nombor lima pun sekolah tak tinggi jugak. Setakat begitu jugak. Sampailah kat adik saya, sampai jadi cikgu –. Dia tumpu kepada lelaki. Lelaki dia suruh belajar, perempuan tak payah dia kata. Itu konsep orang mamak, orang mamak ni dia berlainan sikit dengan cara orang melayu kita tak sama. Tapi anak-anak kayak saya semuanya berjaya lah, bagus-bagus jadi cikgu, jadi itu. Anak-anak adik saya pun bagus-bagus belajar, jadi pegawai-pegawai juga lah. Bagus-bagus lah, bagus diaorang tidak berfikiran seperti bapak saya. Cuma anak saya yang kurang baik, setakat SPM saja kerja pun pejabat tanah adalah. Kerja juga lah tapi agak kurang2 ke hadapan lah macam anak-anak kakak saya yang tak habis belajar tadi tapi bagus. Adik saya adik saya yang last guru tu yang cikgu, Mohd Razali bin Mohd Kassim lah. Dia kalau menulis, dia ni pandai. Nama samaran dia MORA MK (Mohd Razali Mohd Kassim). Dia menggunakan nama dia. Dia pandai, bagusnya dia menulis, dia menulis tentang puisi, cerpen dan rencana. Dia pandai, memang dia bagus. Cerpen saya tak pandai sangat, saya tak boleh tulis cerpen. Dia memang tulis-tulis cerpen. Dia tak boleh, dia tulis drama-drama radio drama TV, dia tak boleh tulis. Dia angkat tangan kat saya. – diaorang berbeza, berlawan-lawan.

WJ: Memang berlawan-lawan betul (ketawa kecil)

MSM: Ada kelebihan masing-masing.

WJ: Haah, betul

AAMK: Saya akui, kelebihan dia menulis cerpen. Pasal kucing saja pun dia tulis. Kucing kita nak baca pasal apa kucing ni. Kucing ni nama Tupai, kucing saya. Saya bela dari kecik dulu dua orang ni. Tupai tu kami ambik dekat bandar, kami bawa balik kucing cantik ekor panjang. – kami panggil dia tupai, tapi dia kucing. Jadi bila tupai tajuk tupai tu dia tulis tupai tapi cerita pasal kucing. Dia cerita kucing tu beginix3, cukup bagus cerpen dia. Cerpen memang dia, memang saya angkat tangan lah. Puisi dia pun bagus, saya angkat tangan. Macam rencana takpalah, saya pun boleh tulis, dia pun boleh tulis. Drama TV, drama radio dia kata, “aku tak boleh tulis lah aku angkat tangan – tak tau lah, kau terror”, dia kata. Alah, drama lagi senang buat, saya cakap. Saya cakap buat – tulis dialog saja, cakap je dialog. “Dialog tu lah aku tak boleh tulis”, dia kata. Dia cakap macam tu, dialog tu lah aku tak boleh tulis. Saya kata kat dia, kau tulis cerpen. Cerpen tu yang aku tak boleh tulis sebab kalau tulis tu aku tak tau begini-begini kau bayang lah, aku tak boleh. Dia ada kelebihan masing-masing di antara dua. Tak sama.

WJ: Betul

AAMK: Walaupun ibu sebakap, bapak yang sama, mak yang sama. Tapi kelebihan masing-masing. Ha itu lah, cerita tentang keluarga saya.

MSM: Seterusnya, saya nak tanya bila dato berkahwin? Pada umur bila?

AAMK: Sebenarnya, saya kahwin muda. Umur saya masa ketika tu, 22 tahun 68 saya rasa saya kahwin yang pertama. Saya kahwin yang pertama tahun 68. Mempunyai anak dua, lelaki, dua perempuan. Itulah bini isteri saya yang pertama. Kemudian selepas dalam tahun, tahun berapa eh, 85. Saya berhenti askar 85, 86, 87 macam tu saya bercerai, berpisah dengan isteri pertama.

WJ: Isteri pertama lah.

AAMK: Isteri pertama bercerai, yang ada anak enam. Kemudian saya berkahwin dengan orang rembau di – dah – yang duduk Seremban lah, duduk di Seremban. Dia juga seorang menarik dalam bidang ini. Boleh berlakon dan boleh membuat.. Membuat apa tu makeup artist. Dia buat makeup artis. Kalau-kalau – banyak dia berlakon banyak. Lakonan dia lebih baik dari saya lagi, saya akui. Lagi baik lakonan dia. Saya melihat, menilai lakonan-lakonan dia, lebih baik dari aku. Aku sendiri pun tak boleh buat macam tu, dia berlakon. Kalau nak tengok dia siapa dia, tapi malangnya dia dah meninggal. Isteri kedua dah meninggal.

WJ & SM: Ohh.

AAMK: Meninggal tahun sudah 2020. 27 haribulan 2 tahun 2020. Nama dia Nor Jan Omar, dah meninggal. Lepas tu, kalau nak tengok dia cuba tengok cuba cari search dalam google dalam internet dan youtube “Mentua VS Menantu”. Itu lah drama bersiri yang banyak, 52 siri. Mesti dapat mesti ada dia. Dia jadi watak dia “Datin Zaleha”. Cuba search Mentua VS Menantu.

WJ: Mentua VS Menantu.

AAMK: Mentua VS Menantu, akan jumpa gambar dia. Itu lah isteri saya. Drama-drama lain lagi kalau bukak “Nyiur Nan Setandan”.

WJ: Nyiur Nan Setandan...

AAMK: Nyiur Nan Setandan. Cakap – dia berlakon bersama Dato Baharuddin Haji Omar yang meninggal ni kan, dia berlakon bersama tu. Jadi, isteri Dato Baharuddin Haji Omar. Itu dia lah tu. Bukak Nyiur Nan Setandan, buka dalam teaser dia ke dalam trailer dia ke gambar dia ada. Yang jadi tok atok tu, jadi bawa balik rumah – pastu anak-anak dia balik kat kampung, haa tu dia. Dia dah meninggal, setahun hampir dua tahun lah. Dekat-dekat dua tahun dah.

MSM: Kami bersimpati.

AAMK: Haa ye. Dengan dia lah saya x2 membuka syarikat. Nama syarikat saya, Minjan Production. Min adalah saya, Jan adalah dia. Jadi, Minjan Production Sendirian Berhad bersama dia setelah saya mengarah drama, drama orang-orang lain. Syarikat yang lain saya mengarah, tapi saya tidak dibayar dengan betul. Asyik kena tipu. Janji lima ribu, bagi dua ribu setengah. Mula-mula 50% pastu lagi 2500 tu bayar 500, 2000 tu hanyut. Nanti mengarah drama orang lain dapat 6000 ke, 6000 orang bagi 3000 pastu dah last dah semua tu siap, dapat lagi 1000, 2000 lagi tak bayar. Jadi disitu, timbul perasaan dia marah. Marah dia kata, buka syarikat ni pakai duit banyak tak, dia tanya. Saya kata pakai banyak juga paling kurang masa tu kita kena ada dalam 8000 – untuk buka syarikat –. 8000 mestilah ada, 10000 ada lagi lah baik. Pastu dia memang bila dia makeup dia dapat 500 – dia simpan simpan sebab perbelanjaan tu saya yang tanggung kan. Kat rumah saya berlakon, saya mengarah, saya menulis skrip. Jadi kat rumah tu kita yang tanggung kita beli barang. Duit dia simpan. Simpan-simpan – dia kata, I ada duit, saya ada duit, mari kita buka syarikat. Masa tu syarikat dia mula-mula Minjan Film Production, haa itu je. Minjan Film Production Enterprise, bukan Sendirian Berhad. Lepas dua tahun saya bukak film tu, syarikat tu, saya mengeluarkan dua buah drama, “Segenggam Harapan” dengan “Tumpas” bawah syarikat Minjan Film Production Enterprise. Lepas tu, yang ketiga kita tidak dibenarkan lagi syarikat-syarikat film ni tidak dibenarkan lagi membuat syarikat Enterprise. Syarikat yang 50 ringgit ke apa, tak dibenarkan. Kita kena upgrade kan dia menjadikan Sendirian Berhad. Maka tahun 1996, saya tukar syarikat saya kepada Minjan Production Sendirian Berhad, Film takda lagi dah. Minjan Production Sendirian Berhad sahaja. Itu lah bermulanya kami bermula lah kita buat drama satu, lepas satu satu, dapat kontrak dengan TV3, dapat kontrak dengan RTM. Jadi bermula kita melangkah ke hadapan sekejap apa ni setapak demi setapak lah untuk ke hadapan.

WJ: (menganggu kepala)

AAMK: Okey, – ada soalan lain lagi?

MSM: Tadi dato cakap, dato ada ada anak kan? Anak dato semua dah bekerja ke? Ke ada yang masih belajar?

AAMK: Tak2. Semua dah bekerja. Yang pertama dah bekerja, kedua dah bekerja yang lelaki, ketiga keempat yang tiga empat tu suri rumah lah. Takda bekerja lah, suri rumah. Mereka ada di Ipoh, Taiping dan di Batu Gajah. Lepastu yang kahwin yang kedua tu, takda anak. Dia ada anak tiri je.

WJ: Ni kiranya sekarang dato di rumah tu dengan anak tiri ke atau anak-anak yang kandung dato?

AAMK: – Anak kandung takda, anak kandung di Ipoh yang di Seremban anak tiri.

WJ: Okey-okey, faham2. Okey dato, kita nak teruskan dengan siapakah nama ibu bapa dato?

AAMK: Nama ibu Salmah binti Awang.

WJ: Okey

AAMK: Nama bapa Mohd Kassim bin Ahmad Shah.

WJ: Okey, dulu ibu bapa dato tu bekerja ataupun macam mak jadi suri rumah lah kan kiranya, kalau ayah tu?

AAMK: Okey2. Sedikit tentang ibu bapa saya.

WJ: Boleh-boleh.

AAMK: Okey, mak saya bekerja sebagai suri rumah lah. Bapak saya ni walaupun duduk di Kuala Kurau tu, Kuala Kurau tu uniknye dia ada dua. Kalau kat kampung sikit dia nya apa bekerja sawah padi. Orang-orang kampung tu bekerja sebagai pesawah, peladang. Okey, kalau yang kampung-kampung lain yang dekat sungai dekat muara dekat kuala, diaorang ni kebanyakannya bekerja sebagai nelayan. Okey, bapak saya ni tidak tidak sebagai pesawah, peladang tidak juga sebagai nelayan. Sebab bapak saya ni orang mamak Indian muslim, dia ni lebih tertumpu kepada perniagaan. Mula-mula bapak saya ni dia masa saya kecik-kecik lah saya tak tau lagi macam-macam benda dia buat. Dia buat itu dia buat ini dia buat kuih. Akhirnya, bila saya besar sikit, dia buat _ kalau kalau Soleh dengan Wardah tahu, apa kita panggil tu putu mayam, putu mayam.

WJ: Ohh tahu-tahu.

MSM: Saya suka.

AAMK: Okey, saya boleh buat tu (ketawa kecil). Dia buat putu mayam, jadi situlah orang tak boleh tiru tak boleh tiru kuih tu, putu mayam ni. Kalau dulu dia buat kuih tu letak kat kedai. Dia dia tak tau nak buat apa, dia kecik-kecik dia meniaga kedai kain², meniaga dengan orang. Jadi, bila dia berkahwin dengan mak saya dia kata nak buat apa. Jadi dia buat pulut panggang, letak kat kedai-kedai kat Kuala Kurau tu banyak kedai dia letak sana sepuluh³. Jadi orang tengok laku, bila laku orang lain meniru buat pulut panggang ni sebenarnya lah. Jadi yang habis tu kita punya, yang tak habis tu diaorang punya. Bungkus yang sama, pattern yang sama. Cina mana nak ingat, india mana nak ingat kat kedai-kedai tu siapa punya. Jadi, orang yang tak habis tu declare ke tak saya punya habislah, tauke – sepuluh. Satu sepuluh sen kan, sepuluh baru bayar _ kalau sepuluh seringgiti dia bayar sembilan pulun sen, lapan puluh sen kat kita macam tu lah. Jadi, yang dia punya tak habis. Padahal yang habis dia punya, yang tak habis orang punya. Inilah sifat orang-orang kita yang dengki. Pastu kita tukar meniaga lain, meniaga lain pun orang tiru

juga, meniaga lain pun orang tiru. Lama-lama dia menungX3 _ ini mak cerita. Mak cerita kata saya. Dia kata saya dah besar bapak kau ginix3. Sebelum pada tu dia juga _ ni setelah dia jatuh. Sebenarnya dia ada dua buah kedai. Dia ada di Jalan Pantai di Kuala Kurau tu dia ada dua buah kedai yang satu jual kain, satu jual barang. Masatu, kakak-kakak yang saya kata meninggal dua orang tadi tu dalam umur macam sepuluh tahun, lapan tahun gitu.

WJ: Kecik lagi lah.

AAMK: Kecik. Tapi oleh kerana bapak sakit, dia sakit dia tak niaga. Bila orang datang orang kampung minta pergi ke laut, – dekat laut tau, dekat sungai dia punya kedai tu. Orang tak ada duit, nak minta beras, nak beli beras tapi duit tak ada. Kita ambikX3 berapa banyak ambik. Takda kain ambikx3. Dia bagi je, dia bagi orang ambik. Nanti kau ada esok kau bayarlah dia kata. Tapi dia tulis lah, orang ni hutang berapaX2. Satu ketika, bila dia jatuh sakit, kedai pun macam dah nak bankrupt, barang orang ambik nak beli tambah tak ada. Sampai satu ketika dia suruh kayak dua orang ni pergi minta rumah orang lah, begitu lah minta hutang maksud dia. Tapi yang peliknya orang tu taknak bayar.

WJ: Bayar

AAMK: Amik parang kejarx2 kakak dua orang. Takut lah.

WJ & SM: (ketawa)

AAMK: Takut, lari rumah dia kata, bapak bapak orang tu taknak bayar lah – hutang yang pak tu mintak, taknak bayar. Jadi, dia kata taknak bayar takpalah, biarlah dia kata. Sampailah dia tutup kedai, – bankrupt, balik kampung kat Tanah Putih, balik ke kampung Tanah Putih. Kan saya lahir tadi Tanah Putih, tadi dia duduk kat pekan. Balik ke kampung Banak Putih, dia tak tahu nak buat apa. Dia nak buat sawah padi dia tak reti, dia nak buat tanam tu dia tak reti, sikit-sikit reti lah apa nak buat.

Pastu dia meniaga lah, meniaga tu orang tiru-tiru dia. Akhirnya, dia pergi belajar dekat orang india macam mana nak buat putu mayam ni. Putu mayam ni orang melayu tak boleh tiru. Kerja dia sangat rumit. Jadi, dia mula lah jual putu mayam tu. Ketika tu lah saya membesar, saya pergi sekolah, membesar dalam dia jual kuih itu. Tapi sekarang ni mahal, sekeping tu seringgit eh? Seringgit?

WJ & SM: Haah.

AAMK: Sekeping seringgit.

WJ: Kalau kat tempat saya tu dua ringgit.

AAMK: tambah – tambah – dua, baru dua ringgit. Ataupun dia jual sekeping-sekepingkan sekarang ni. Kan?

WJ & SM: Haah.

AAMK: Kita dulu tidakX2. Sekeping tu X2 tapi tak lah tebal sangat. Sekeping tu lima sen.

WJ: Murah.

AAMK: Kita buat dua--, jadi kalau satu keping dua gitu sepuluh sen lah kan. Sepuluh sen betul tak dua tu. Tapi kita bagi satu lagi, sepuluh sen tiga. Lima sen satu keping pula tu. Dulu saya jual. Lepas tu, membesarlah dengan itu, dapatlah satu hari diaorang jual-jual lapan ringgit sembilan ringgit macam tu ketika tu lah. Tahun 60an dengan 70an.

WJ: Tapi lapan ringgit tu kira besar kan dato? Untuk sehari lapan ringgit tu.

AAMK: Besar juga. Beras tu baru baru lapan pulun sen satu gantang lapan puluh sen, seringgit satu gantang kita nak buat dua gantang baru dua ringgit. Jadi, kita dapatlah simpan dalam dua ringgitx2, dalam dua ringgit

setengah simpan. Pastu duit dua ringgit yang kita simpan kita nak upah orang untuk tumbuk tepung lagi. Tumbuk tepung, tepung beras. Dia putu mayam ni dia buat dengan beras, beras tu dibasuh betul-betul, cuci betul-betul sehingga air bersih. Besok nak buat, malam ni kita rendam. Apabila kita rendam, pagi besok dia dah kembang kita cuci buang air dia, kita bagi tapis kering baru dia tumbuk, tumbuk jadikan tepung. Daripada tepung itu kita kukus, kukus jadikan dia masak baru kita taruk air, baru kita gaul-gaul buang biji-biji dia tu bagi hancur-hancur. Baru kita _ petang karang baru kita tekan dengan dia punya acuan tu baru kita buat. Kita buat dia punya tu. Kemudian, masuk dalam kawah lagi dengan empat sepuluh – baru tutup dengan dia punya penutup. Tutup buat tepi – tutup dengan kain supaya wap tak keluar. Dia masak dengan wap, dalam empat puluh lima minit pasti masak.

SM: Agak susah

AAMK: Susah, renyah.

WJ: Renyah.

AAMK: Kalau empat puluh lima minit tak masak, maksudnya something wrong. Wap tu keluar ataupun api tu tak cukup bawah. Air tu tak mendidih banyak. Tu semua kena jaga benda tu, dia renyahx2. Tapi orang tak boleh tiru. Sampai saya sekolah, di waktu petang, di pagi saya meniaga. Dia bagi kat saya dalam _ dia buat lebih sikit, dia ambil dalam sepuluh ringgit, saya ambik lah dua ringgit punya jualan. Pastu kita pergi jual lah, saya pun kayuh lah basikal jual. Kelapa, gula tu semua dapat dua ringgit, tiga ringgit. Saya balik dulu, balik bagi kat mak duit apa semua. Siap _ Saya siap-siap sekolah untuk dua belas tengah hari pergi sekolah. Lepas tu, bila tahun depan tu saya tolong dia lah, saya tolong menambah pendapatan. Sebab saya sekolah, yuran tiga ringgit sebulan. Sebulan tiga ringgit.

WJ & SM: Murah (ketawa)

AAMK: Haa, yuran tiga ringgit sebulan, tiga ringgit tu (x2) macam tiga puluh ringgit tau sebulan. Jadi, tiga ringgit bulan satu tiga ringgit, bulan dua tiga ringgit, bulan tiga tiga ringgit, bulan empat enam ringgit. Pastu bulan lima tiga ringgit, bulan enam tiga ringgit. Kalau cuti takda lah. Tiga tiga tiga empat, tiga tiga tiga enam (x2) macam tu. Kita tak dapat scholarship. Jadi, lepas tahun depan tu sekolah menengah pagi, sampai pukul satu pukul dua saya balik. Kalau hari sabtu ahad saya tolong jual juga, tolong ambik sikit lebih lima ringgit ke apa ke, habis saya balik. Macam siang tadi sekolah petang, pagi saya pergi jual kuih. Petang balik buat homework siap-siap malam tadi apa semua, pastu sekolah. Pukul lima pukul enam balik tidur. Besok saya jual pagi pergi jual. Pukul 12 balik buat homework buat sikit-sikit sekolah lagi. Itu lah struggle saya, sehinggalah saya besar, dah besar sekolah dah menengah sampai SPM apa semua apa MCE – baru dia tak nak meniaga lagi buat kuih ini. Ada orang nak jual gerai nasi, gerai nasi ada orang nak jual. Mamak tu nak balik India ke apa ke. Geng dia ada aku nak balik kau nak tak. Jadi dia beli gerai tu barulah kita hidup kita agak mewah sedikit, agak mewah sedikit. Sebab kerja pun senang, datang pukul lima ke pagi masak-masak – jual pukul dua belas kita balik. Ikan semua beli sudah siap jadi senang, agak senang sikit. Dengan pendapatan pun agak lebih sedikit daripada menjual kuih tadi. Tu lah. Seinggalah saya kerja apa. Haa tadi sebelum saya kerja tentera tadi tahun 80, Tahun 79 saya bekerja hospital sekejap.

WJ: Sebagai apa itu Dato?

AAMK: Aaaaaaa, ini yang meunikkan saya bekerja, Saya bekerja hospital sebagai tukang kebun.

WJ & SM: Ohhhh,faham-faham.Okay-okay. (ketawa)

AAMK: Hospital Tapah. Saya bekerja sebagai tukang kebun. Oleh kerana saya bawa sijil saya yang tak tinggi lah konon jadi saya nak minta attendance ke apa semua tak dapat tak lulus itu tak lulus ini tak lulus. Jadi kata satu

kawan saya kata. Dia kata “ bang esuk ada kursus ada ada lagi temuduga. Temuduga apa. Temu duga tukang kebun. Haaa tukang kebun? Tapi kita tak boleh bawa sijil SPM kita apa MCE ni apa. Aku ada bawa darjah enam punya sijil tu. Ha kita bawa sijil darjah enam punya. Nak kerja masa itu kita tak nak duduk melepak-lepak ini. Kita yang muda ini rasa nak kerja nak kerja nak kerja. Tanak duduk melepak.

WJ: Tanak duduk melepak

AAMK: Sebab itu saya kata sya membuat skrip apa semua tadi... kan.

WJ: (mengangguk)

AAMK: Bawa sijil darjah enam itu dia interview saya aaaa dia kata apa yang buat sekarang. Saya tak buat apa saya tak kerja apa semua ada panel 3 orang duk cakap dengan dia. Habis apa aktiviti di lapang masa? Saya main drama saya main teater saya itu saya menulis saya baca buku apa semua. Cuba cerita sikit. Cerita Sandra macam mana? Ingat tak cerita Sandra? Siapa tulis sekarang — kah — Wati. Sandra. Satu novel. Dia suruh saya ulas satu novel itu. Saya kata (ketawa kecil)... tergelak dia kata saya gelak. Saya minta maaf lah secara jujur saya bercakap saya tak baca novel Sandra tak reti nak ulas tak reti nak cakap apa saya kata terus terang saya cakap. Kalau nak suruh saya cakap fasal lain saya boleh dia tanya lah pasal lain apa semua drama teater macam mana buat – macam mana berlakon macam mana dia tanya fasal lain. Dia suruh saya ulas tentang Sandra mana saya baca.

WJ: Betul.

AAMK: Akhirnya saya dapat jadi tukang kebun. Saya lapor diri saya mula bekerja masa itu dah kahwin Aaaaaaa... dah kahwin saya datang seorang dulu (dahulu) saya bekerja duduk di tumpang rumah kawan lain dia orang bagi tumpang tu masa kerja itulah sebelum ambil orang rumah saya datang ke Tapah itu saya menulis drama saya giat menulis drama

kerja tukang kebun pagi mesin pukul 7.30 8.30 dah berhenti 9.30 mesin 10.30 berhenti minum kami ada kumpulan minum-minum lepas itu mesin lagi sekali kejap kejap berhenti pukul 12 berhenti lepas itu siap dah elok dah petang datang buh minyak hitam lah apa semua buat buat bagi lawa lawa pagi – esuk standby untuk nak nak ni mesin kita tak mau ke apa ke ada satu engineer ha tengok kenapa? Tak boleh start ini ini ini. Beri dia start beri dia repair dia buat dia repair okay okay. Habis banyak lapang ha banyak kelapangan dalam diri saya bila balik sahaja tak mau lepak-lepak saya derah – drama bila saya hantar dekat Ipoh. Drama saya dekat Ipoh. Tak sebulan satu tak sebulan satu. Jadi dia orang mencari siapa nama Amin Khan dekat Tapah.

WJ: Oh, dia tertanya -tanyalah

AAMK: Saya tulis saya tulis apa nama hasil karya Amin Khan Hospital Tapah Aaaaa..Hospital Tapah Perak.

WJ: (Mengangguk)

AAMK: Ada yang dengar pegawai yang dengar dia kata Siapa Amin Khan Hospital Tapah? tak ada orang nama Amin Khan.

MSM: Oh (tersenyum sambil mengangguk)

AAMK: Aaaa...satu ketika satu hari saya dengan satu pegawai Aaaa.. saya kira buruh am lah kan

WJ: Ha em..

AAMK: Ada orang ada pegawai ada emmm apa ni ambil ubat dekat Hospital besar Ipoh farmasi tempat stok stok ubat di Ipoh. Jadi on the way balik tu dalam pukul dia pukul empat petang tiga setengah balik dia buka radio dia dengar – tiba-tiba dia dengar haritu dia pi balik tu sebut drama saya dekat dekat radio tu Amin Khan Hospital Tapah Ipoh dia terkejut dan

dia dia surprise dan dia pandang saya Ipoh tak ada Amin Khan dia kata Hospital tak ada Amin Khan siapa sebenarnya ni dia kata encik saya panggil encik kawan dia sayalah (tersenyum) oh ye ke..

(RALAT)

AAMK: Amin tak boleh bekerja disini Amin duduk di atas kerja kerani apa yang dia orang suruh buat buatlah saya kata tapi strength kekuatan masih lagi tukang kebun gaji tukang kebun seratus dua puluh ringgit ketika itu

MSM: Seratus dua puluh ringgit untuk berapa lama?

AAMK: Seratus dua puluh ringgit kalau sekarang dalam seribu dua ratus gitu lah kut

WJ: Haaa (mengangguk)

AAMK: Nasi lemak sepuluh sen nasi lemak sepuluh sen ketika itu kan cukuplah sewa rumah dua puluh ringgit tiga puluh ringgit ada lebih lagi duit satu haa sama juga lepas itu saya dengan dengan saya cakap saya dah berhenti tujuh sembilan enam tujuh saya berhenti saya masuk tentera tahun lapan puluh ingat saya tadi tadi kan.

MSM: Hm (mengangguk)

AAMK: Tahun lapan puluh saya tentera sama juga apabila saya kursus enam bulan habis pada enam bulan saya berkursus itu sama juga berbaris tu saya dipanggil untuk menjadi kerani juga jadi kerani juga tak boleh lepas saya jadi kerani saya tak jadi – askar ni ada banyak ada – askar perang ni jadi kerani ni dia duduk dekat pejabat jadi saya duduk di pejabatlah menjadi kerani itu je lah hmm tak lepas dari kerani sehinggalah sekarang saya menjadi kerani – kerja di pejabat-pejabat saya sendiri production saya sendiri lah kerani saya buat hmm..

WJ: Faham

AAMK: Begitulah cerita dia haaa okay Wardah (tersenyum)

WJ: Okey-okey

AAMK: Ada apa lagi nak tanya

MSM: Saya nak tanya pendapat Dato lah Aaaa.. apa pendapat Dato tentang industry seni pada masa dulu dengan sekarang?

AAMK: Industri dulu Aaaa kita cakap macam ini lah cakap pasal pelakon lah eh industri itu pelakon

WJ: Ha ah

AAMK: Kalau dulu kita berlakon kita tidak mengambil kira sangat tentang bayaran berapa orang nak bagi dekat kita kita terima kita ambil kita kita takda sebab sebab lah kita suka sebab yang kita buat itu

WJ: Minat-minat

AAMK: Yang kita buat itu minat sangat !! ya..

WJ: Betul-betul

AAMK: Jadi bayaran kita duk tepi. Jadi dengan kita tujuk badan kita dah suka sangat. Habis industri sekarang ini agak berlainan materialistik itu terlalu melekat dalam diri dia orang kalau kita dia tawar saya sebagai penulis saya sebagai pelakon saya sebagai penerbit saya sebagai apa tu lagi sebagai pengarah. Pengarah sekarang katakan lah lapan ribu pelakon dua belas ribu pengarah kerja daripada a to z pelakon bekerja dia start dari point c sampai habis seminggu kang kalau penting

seminggu kalau tak penting itu lima hari enam hari ataupun scene tu kalau lima hari enam hari dah balik.

WJ: Ha erm

AAMK: Ini pengarah dari a to z dari editing masuk apa semua baru lapan ribu enam ribu masa saya zaman saya dulu empat ribu sekarang ini artis sampai dua belas ribu sampai sepuluh ribu habis duit dia orang tak tau apa-apa lagi balik dengan gembiranya dapat sepuluh ribu yang kita ini hantar dekat RTM lagi yang penerbit lagi masalah penerbit kalau buat sekarang dah siap drama hantar dekat RTM kah TV3 kah bukan hari ini hantar lagi sebulan dapat duit enam bulan baru dapat duit kan. Jadi kita bekerja dalam peruntukkan yang terhad walaupun RTM bayar seratus dua puluh ribu kah seratus sepuluh puluh ribu kah katakan lah kita nak buat kerja dalam lapan puluh ribu lapan puluh lima ribu kita kena bekerja dalam lapan puluh lima ribu itu kita tak boleh bekerja lebih pada itu kalau kita kerja lebih pada bajet itu maknanya – bajet keuntungan kita menjadi kurang. Dia mesti kita ambil thirty percent daripada keuntungan

WJ: Betul

AAMK: Kalau harga RTM bayar kita seratus ribu lita mesti buat drama itu dalam lingkungan tujuh puluh ribu tidak boleh tujuh puluh lima ribu kita untung dua puluh lima ribu enam bulan akan datang tak dapat jadi etika itu etika budak-budak sekarang pelakon-pelakon sekarang tidak mengambil kira tentang itu dia tak fikir pasal you dapat berapa? You pengarah dapat berapa? Syarikat dapat untung berapa?

WJ: Betul

AAMK: Bajet saya Aaaa... bajet saya sepuluh ribu bajet saya sepuluh ribu. Jadi kita mau tak mau kita kena ambil juga ini yang stesen hendak stesen tidak beritahu dia bagi projek dia bagi dia bagi kontrak kita suggest aku nak ambil orang ini orang ini okay carry on siap hantar kita tak mau

takkan tak bayar apa pula kita dari Seremban sampai ke Kuala Lumpur berlakon berlakon bagi seratus setengah tak logik lah kan tak patut. Macam Wardah lah beri lima ratus ke sedangkan ilmunya tidak seberapa dia orang tak masuk kelas dia orang sombong akulah yang terbaik lakonan orang sekarang lah industri dulu beza lah beza lah antara dulu dan sekarang sangat sangat beza.

(RALAT)

AAMK: Ya, ada apa-apa lagi Solehuddin?

MSM: Okey Saya nak tanya Dato kata kalau artis baru ni..

AAMK: Bergaung lah Soleh. Bergaung Soleh bergema Soleh bergema-bergema

MSM: Okey tak sekarang

AAMK: Ha ah ni baru okay ini okay

WJ: Haa (ketawa kecil)

MSM: Artis baru ni macam materialistik tapi ada tak yang bagi Dato yang okaylah. Kualiti kerja bagus, tidak materialistik. Boleh Dato bagi spesifik nama ke?

WJ: Yang pernah pernah berlakon ke bekerja ke dengan Dato contoh.

AAMK: Ada ada memang ada tapi saya tak ingatlah siapa yang macam itu kan tapi ada yang boleh yang boleh bertolak ansur yang agak tidak berkira memang ada tapi kebanyakan lah kebanyakan yang berkira tapi kita yang saya kata tidak berkira okay kita ambil satu angkatan yang lama yang kemudian ada angkatan pertengahan macam kita kata apa pertengahan macam Rushdi Ramli kan Rushdi Ramli macam apa ini ada lagi lima empat orang itu tapi tak berapa ingat diorang angkatan itu

angkatan itu okay angkatan itu boleh kita berbincang antara satu sama lain. Jadi depa bertolak ansur. Yang angkatan baru junior sekarang ni junior sekarang ini pun ada juga yang boleh kita bincang tapi kebanyakannya yang laki laki ini dia macam menekan kita lah. Dia tak mau bertolak ansur kebanyakan itu. Tapi saya nak bagi point nama itu saya tak berapa ingat lupa lah saya tak apa lah.

MSM: Okey

MSM: Aaaa.. seterusnya saya nak tanya lah kan Dato masuk industri seni ini mesti Dato ada seorang yang memberi inspirasi atau pun idola Dato yang Dato selalu follow dia lah sehingga Dato pun teringin angan-angan nak jadi seperti dia?

WJ: Kiranya idola lah idola yang betul-betul Dato minat lah

AAMK: (Ketawa kecil) Saya tak ada lah minat nak jadi macam dia. Tidak!! Saya ini membesar terdedah haaa terdedah kepada filem-filem melayu tahun enam puluh -an ingat ingat kan tahun enam puluh -an

WJ: Haa betul

AAMK: zaman- zaman P-Ramlee selepas P-Ramlee wujud nya – wujudnya – wujudnya hero-hero muda-muda lah saya bukan lah hero-hero tujuh puluh -an lapan puluh -an bukan itu bukan saing Amir ke bukan tak ada tak ada tak ada dia apa ini – depa ni dia membesar lebih kurang dengan saya juga tapi idola itu kita – kita melihat Jins Shamsuddin berlakon kita melihat - - berlakon tiga orang ini tiga orang ini yang menjadi idola saya. Tengok dia orang berlakon jadi kia jadi berminat dengan cara dia orang. Jadi saya tak berminat dengan lakonan-lakonan orang lain. P-Ramlee kah itu kah ini kah tak. Saya tak minat. Saya minat Jins Shamsuddin minat Jins Shamsuddin minat – Yang minat dua orang itu sahaja. Kita pun tak adalah nak jadi macam mereka kita nak jadi pelakon. Kita nak jadi pelakon lah. Bermula dari itu lah tak ada minat bila muncul nya Latif Ibrahim tahun lapan puluh -an Latif Ibrahim Hail

Amir itu ramai lagi lah tak ada tak ada nak jadi idola macam dia orang tidak hm Sebab saya terdedah dengan filem-filem melayu sebelum dia orang sebelum dia orang.

WJ: Faham-faham. Kiranya dia orang itu bawah dari Dato lah tapi Dato sangat macam Aaaa suka lah dengan dia orang punya cara macam itu kan. Lakonan..

AAMK: Kalau nak diikutkan dulu dari segi lakonan Hail Amir dulu dia dulu Hail Amir dulu. Hail Amir Latif Ibrahim ada lagi empat lima orang yang yang dia orang dulu dia berlakon. Tapi kita tak jadi tak jadi minat pada dia orang tak jadi macam Hail Amir dulu rambut cantik kan dia pakai rantai macam kuku rimau kuku rimau tu kan yang cakar Hail Amir tu kawan semua kawan – tapi saya tak ikut jadi macam itu ada orang pakai baju macam dia Hail Amir saya minat pun macam Jins Shamsuddin kan apa tadi.

WJ: Latif Latif

AAMK: Ed Osmera yang saya minat

WJ: Ohh

AAMK: Tapi saya tak ikut cara dia orang tidak jadi kan macam formal macam biasa cuma minat dengan lakonan dia orang kata idola sungguh dia tidak tak jadi begitu kita terjun dalam ini pun tak ada terjun dalam bidang ini pun tidak ada siapa yang menggalakkan yang galakkan yang tadi lah yang kata kawan yang Pak Long Sha'ri tu dia bagi semangat meh kita buat kumpulan meh kita buat aktiviti macam tu je lah pun tak ada lah yang menjadi inspirasi kepada kita untuk mengikut dia orang. Tidak!! Kita minat sendiri kita minat timbul pada diri sendiri.

AAMK: Ada lagi Solehuddin? Ada apa Wardah? Lain? Kut-kut ada soalan apa-apa yang dah prepare atau apa lagi.

MSM: Dato, saya nak tanya apa ni permulaan dato sebagai seorang pelakon macam mana? Bagaimana penerimaan masyarakat?

AAMK: Tak dengar lah apa ni dengar masyarakat je. Soleh tak dengar Soleh

MSM: Permulaan Dato sebagai seorang pelakon? Macam mana penerimaan masyarakat pada ketika itu?

AAMK: Ohh okay-okay. Ketika itu dan sekarang lah kan. Okay ketika PKP sebelum PKP okay sebelum PKP tu orang tengok orang jumpa kita maknanya orang kenal kita sebab itu kita tak pakai topeng kan penerimaan orang masyarakat tak ada apa-apa.--tegur dia orang--penerimaan dia orang cukup baik tapi yang saya heran nya selepas PKP ni kalau kita keluar ke bandar ke kemana-mana ke orang tak kenal kita kita pakai kan mask tu kan sampai dekat mata sampai sini kita harap orang tidak. Anggap!! Kita anggap lah dia orang tak kenal aku rambut pun dah putih-- Mata ke mata ini sure orang tak kenal kita harap kita anggap begitu tapi bila kita pergi makan dekat restaurant ke kat mana-mana ke yang alert dengan tv yang selalu tengok tv dia orang kenal kita dia orang kenal kita saya kata "Encik ni" dia kata Dato tak apa lah tak kesah bukan nak suruh dia orang kenal kita bukan semua orang tahu kita "Encik pelakon kan" saya kata mana kenal "Mata tu je saya tau" saya kata encik tengok mata pun kenal eh "Haaa kerana mata saya tau dengar encik bercakap pun saya kenal dia mesti pelakon" saya kata betul lah "Encik-encik buka mask betul lah dia kata" Mata pun dia kenal saya bila tengok orang angkat mata je kita tak perasan kalau Wardah Wardah tutup mata kalau buka saya perasan kalau tutup itu betul ke dia bukan ke dia ini. Dia orang alert dia orang tahu. Baru-baru ini saya makan dekat Simpang Regam ha pergi makan jadi dia orang pun tau dia kata -- "Encik encik tak berlakon lagi eh sekarang" tau saya kata maknanya dia orang peka

WJ: Allert—

AAMK: Alert dengan kita jadi kita ni sebagai sebagai kita anggap kita sebagai hak masyarakat lah kan hak masyarakat ha tak bolehlah buat sewenang-wenangnya macam pesanan saya lah kepada artis baru ke artis dah lama ke kalau kita jumpa orang kita buat tak tau aje senyum-senyum lah jangan jangan bukan kita nak pi kat orang tu bukan kita kata ha “Encik encik kenal saya ke” tak kan kita nak buat macam itu kan kita tak perlu “Encik kenal saya ke encik tau sapa saya” tak payah orang kata kita ini gila pulak kan biar senyum dekat orang “Encik” angguk kalau tanya kita jawab kalau dia tak tanya mungkin dia tak kenal kita mungkin dia bukan ahli tv kalau dia ahli tv kalau dia melihat drama-drama kita drama siaran siaran dekat tv dia tentu kenal kita kalau kita pi dekat tempat makan ke apa ke orang buat tak tau dengan kita tu kita just senyum dengan orang buat tak tau je haaa dia tak tegur biar kan dia maknanya dia bukan melihat tv dia tak tengok kalau orang yang melihat tv dia tegur mata sahaja je dia dah tau itu je lah jadi kita pesan pesanan saya dekat budak baru ada budak-budak baru jadi apa tu terutamanya pelakon perempuan bukan nak cakap lah kadang-kadang dia orang sombong

WJ: Betul-betul

AAMK: Jadi jadi siapa peminat kamu sebenarnya. Kamu berlakon dekat tv orang tengok kamu berlakon dekat tv siapa yang lebih kita perlu hormati penonton perlu hormati kita atau kita perlu hormati penonton. Kalau tak ada penonton orang tak kenal kamu. Orang tak tau kamu siapa kan

WJ: Betul-betul

AAMK: Kerana peminat kamu dia kenal kita kita kena hormat dia. Ini saya belajar daripada arwah A-Rahim arwah A Rahim kalau Wardah dan Solehuddin ingat kepada arwah— pengarah-pengarah tahun enam puluhan dulu kan tahun enam puluh-an cerita Sarjan Hassan dari Jepun tu memang betul cakap Jepun memang pandai cakap Jepun. Okay saya kata apa dia— Ada satu budak tu ha dia nak suruh orang belakang tu jangan melihat kepada kita kepada kamera dia pergi marah-marah dekat

orang tu begini-begini saya tak bukan saya saya dekat apa rumah apa semua dia marah— dia tengok-tengok dia orang luar dia orang tak tau tidak memahami situasi berlakon dekat penggambaran tidak tidak tahu macam mana orang berlakon jadi tengok tengok depan kamera jadi cara kita untuk menegur orang itu”Encik tolong encik beri kerjasama encik tolong— tapi tak budak ini marah dengan marah sangat lah— jadi jadi A-Rahim tegur. A-Rahim kata kamu tak boleh saya ada dekat depan itu kamu tak boleh buat begitu dia orang peminat kita dia orang melihat kita walaupun kita tak kenal dia orang tapi dia orang kenal kita pergi minta maaf balik jangan cakap macam itu cakap sopan elok-elok nak suruh dia orang ke tepi kesana cakap elok-elok jadi saya belajar tanpa dia orang dia kata tak ada kita orang tak kenal kita jadi kita kena macam itu le sopan kita nak take care orang punya hati nak take care peminat kita macam mana jangan sombong terutama sekali berada di kampung berlakon di kampung tahu tak kampung mesti peminat tu ramai bukan peminat kita pun jadi bukan orang nak berkerumun pun tak payah— tapi kita pun ya angguk-angguk. Kita bagi respon kepada dia baguslah pelakon tu pelakon tu boleh berkawan dengan kita lah mau bersempang dengan kita lah mau bertegur sapa dengan kita lah tapi saya pernah pergi kat kebun tu dia kata “Abang baguslah abang bercakap dengan kami bersempang dengan kami duduk dengan kami” .Masa free ni boleh lah saya bersempang tapi masa saya shooting tak dapat lah saya nak bersempang saya kata saya nak shooting sibuk dengan tugas kami bekerja” “Saya faham tapi ada dulu ada satu pelakon datang dia kata sombong bang bercakap kita tak mau pandang kita tak mau dengan kita buat tak tau je apa semua pergi balik pergi balik tak tegur kita jadi kita nak tegur dia takut dia kata” ada dia orang— jadi pesan saya pada dia orang jangan kita sombong dengan orang audience kita.

WJ: Betul

AAMK: Ada apa lagi Solehuddin. Ada apa lagi Soleh (ketawa kecil) Anugerah tertinggi yang saya dapat ada nak tanya anugerah tertinggi tak ada

WJ: Ada-ada

AAMK: Saya tak dapat anugerah tertinggi tak ada tak pernah menang pun daripada saya terlibat daripada tahun lapan puluh enam saya masuk dalam bidang ini tak pernah dapat anugerah yang tertinggi ke apa ke pelakon terbaik ke penulis skrip terbaik ke apa ke tak pernah dapat tak ada saya dapat saya biasa-biasa je

WJ: Hm tak apa Dato kiranya yang tadi itu anugerah lelaki terbaik itu yang selepas Dato

AAMK: Itu yang kita buat drama pentas teater itu teater

WJ: Ohhh

MSM: Teater

AAMK: Itu teater zaman zaman— cuma pernah drama saya sekali masa itu saya pernah bekerja HVD. HVD ni Home Video Department home video dekat Cheras saya ada bekerja di syarikat itu setelah saya berhenti apa semua saya bekerja dengan dia saya ada mengarah drama Muslihat. Okay masa itu dia orang menghantar pertandingan drama tv untuk ASEAN negara ASEAN termasuk lah negara Indonesia Brunei, Singapura, Thailand, Cambodia banyak banyak tapi ber ber berlangsung nya di Jakarta. Adalah drama saya dihantar kerana bertanding drama dia bersiri Muslihat tapi malangnya drama itu hanya masuk setakat top five

WJ: Pencalonan lah

AAMK: Pencalonan top five sahaja akhirnya malam akhirnya saya tak menang dapat dkat orang lain tapi dicalon sampai ke final itu pun saya dapat tahu daripada pekerja HVD yang bagitahu “Drama abang dicalonkan untuk top five di Jakarta saya kata kalau menang nanti saya bagitau” tapi tak

hantar apa pun dia hantar orang dia je tak apalah masa itu saya dah berhenti HVD.

WJ: Dato berbalik kepada yang Dato kata harapan kiranya harapan Dato Sampaikan untuk artis-artis yang lain lah. Yang ini saya nak tanya harapan Dato kepada masyarakat untuk memberi sokongan kepada artis-artis veteran macam dato ke atau artis-artis yang lain ke yang dah lama berkecimpung dalam industri ini sebenarnya. Kepada masyarakat lah khususnya. Seperti orang-orang macam saya.

AAMK: Tak ada apa lah kita minta dia orang masih mengenali kita masih menilai apa masih sudi melihat kita lakonan kerana buat masa sekarang ini kita tak macam industri Hollywood kita tak macam industri Bollywood negara lain makin tu makin berharga

WJ: Makin dihormati

AAMK: Masih dihormati dan berharga industri kita ini kebanyakan rata-rata yang kita melihat di drama tv sekarang drama filem ke drama tv ke semua nya cerita orang-orang muda. Betul tak?

Wardah: Betul

AAMK: Cerita orang-orang muda mak bapak pun tak ada mak bapak pun tak ada kakak dari mana dia datang pun kita tak tau kan. Macam itu saya kata dekat kawan saya kau tak nak ambil aku berlakon ke? Tak ada watak la bang semua nya cerita budak-budak muda tapi dia datang dari mana saya kata dia datang dari mana tak ada mak bapak dari mana datangnya nya saya kata. Lepas itu diorang gelak gelak kan. Sebenarnya Sebenarnya ha konsep macam tv sekarang memperbanyakkan cerita cerita remaja cerita cerita urban cerita cerita orang kaya orang orang yang berada jadi orang orang yang miskin ke apa orang apa ke yang tidak popular ni saya menganggap diri saya tidak popular yang duduk ke belakang tidak lah terpilih kalau ada mak bapak pun mak bapaknya

selalu berlakon lah kalau lelaki pun lelaki yang selalu muncul dekat tv lah orang itu orang itu orang itu saja lah. Jadi itu lah sekarang tapi yang alhamdulillahnya masyarakat masih mengenal kita walaupun kita jarang jarang berlakon. Macam itu lah harapan kita seterusnya masih diingati oleh mereka kepada kita nak berlakon pun tak banyak pun bukan banyak sangat pun kita berlakon tapi orang kenal orang ingat nama tak ingat muka je ingat harapan nya begitulah.

WJ: Betul betul

AAMK: Ini bukan kita yang nak begitu tetapi tuntutan stesen yang begitu kan

WJ: Betul betul

AAMK: Banyak kan yang begitulah sekarang semuanya cerita cerita orang orang muda kooperat tak ada orang tua kita ni letak dekat tepi itulah okaylah

WJ: Kiranya Dato dalam Dato membuat penulisan penerbitan pengarah lakonan ada tak sesuatu perkara yang Dato masih tidak terlaksana maksudnya dalam bidang industri ataupun di luar yang masih belum terlaksanalah kiranya. Ada ke tak?

AAMK: Takda

WJ: Takda. Semua dah tercapailah

AAMK: Semua terlaksana

WJ: Haah sebab saya rasa Dato daripada kecil tu dah buat segala benda kut dari segi bekerja tolong mak ayah berniaga saya rasa semua sudah tercapailah

AAMK: Ye lah. Tidak terlaksana tu sebab kita tak dapat projek sekarang itu jelah pun kan. Sekarang ni macam RTM dia bagi kontrak tak dapat tidak terlaksana lah kalau projek tu semua kita terlaksana buat betul betul kita

buat benda itu sambil lewa sekerat jalan teruskan tak ada lah cuma kata terlaksana tadi cuma saya tidak dapat membuat ada dua tiga skrip yang saya dah tulis untuk saya nak produce sebagai filem untuk tayang di pawagam tapi malangnya sekarang ini kekangan bajet pun kita tak ada bajet pun tak cukup kita simpan dulu kita tak buat itu yang pertama yang keduanya oleh kerana PKP kalau kita buat dalam waktu terdekat ini panggung tak ada orang nak tengok tak ada orang nak pergi melihat menonton filem kita sebab dalam keadaan PKP ini tak ramai

WJ: SOP

AAMK: SOP kawan kawan saya ada buat macam— yang budak crypto ke apa kah tayang tapi dia kata kurang laku kurang sambutan takut kita nak buat. Impian tidak terlaksana tu macam itu lah. Ada dua tiga skrip yang saya kata kalau lah keadaan mengizinkan besok SOP nya pun dah longgar apa semua panggung didatangi oleh orang penonton balik rasa rasa itulah saya nak buat dua tiga filem lah rasa rasa lah kalau sampai hajat lah

WJ: Faham

AAMK: Kalau yang lain lain tak ada lah. Saya pernah membuat satu filem je saya bagi orang lain buat filem tamil

WJ: Tajuk apa itu Dato?

AAMK: Ha?

WJ: Tajuk apa tu?

AAMK: Tajuk dia bahasa tamil dia URUVAM. U-R-U-V-A-M. Bahasa melayu nya maksud bayangan

WJ: Oh. Dah ditayangkan ke ataupun belum?

AAMK: Dah dah. Dah tayang tahun 2008 dulu saya buat

WJ: Oh faham

AAMK: 2008 saya buat 2008 2009 tayang. Saya buat filem itu tayang di panggung lah tapi malangnya ketika itu panggung panggung wayangnya pawagamnya tidak lah seperti sekarang pakai digital. Ketika itu saya buat film digital saya buat panggungnya ada lima enam panggung yang berkonsepkan digital. Sekarang ini seluruh negara menggunakan konsep digital sekarang panggung wayang tak payah lagi kita nak bawa rail rail filem sampai empat lima keping tak payah cuma bawa satu hard disk saja satu hard disk bawa ke panggung dia tayang panggung itu saja dia tayang. Simple je sekarang kita sendiri boleh edar kita boleh bagi bagi dulu kita kena sewa lori kalau nak bawa rail rail satu kotak satu kotak semua sekarang tak ada sekarang digital semua digital pakai kad je shooting tak macam dulu. Jadi itulah pakai kad macam— Okay ye pukul berapa dah?

MSM: Saya nak tanya sepanjang Dato berkarya sebagai seorang pelakon penerbit penulis pengarah kan apa kenangan yang tak dapat lupakan? Kenangan manis.

AAMK: (Ketawa kecil) Kenangan manis okay ada satu sampai sekarang saya tak pernah tak dapat saya lupakan ye lah manis pun ada duka pun ada. Begini

WJ: Kita cerita pasal kenangan manis dulu duka nanti

AAMK: Dia dia sekali lah tu dia tak ada lah duka tapi

WJ: Boleh boleh

AAMK: Tergelak benda itu boleh jadi gurauan tergelak okay satu ketika saya shooting drama satu drama lah saya shooting ha masa tu SA production punya apa drama tu saya lupa lah tajuk drama tu ha hari hari jumaat di depan Lelaratus hospital di Cheras Jalan Kesas dalam pukul sebelas setengah saya yang pelakon dia Riduan Hashim Norlia Ramli sorang heroin saya tak ingat tapi saya nak ambil gambar established dulu nak ambil gambar hospital tu nak established saya pun pergi ke hadapan lepas pada saya nak buat it saya nak shooting kat dalam. Masa itu watak Ismail masuk hospital sakit nanti anak dia datang melawat bapak dia sakit jantung. Okay saya pun sebelum buat scene itu saya pukul sebelas setengah saya ada lagi pergi kat depan saya nak established gambar hospital kita Lelaratus apabila saya nak pergi itu saya tengah melihat angle mana yang terbaik tiba tiba atas divider tu saya ingatkan jalan tu sehala rupanya jala itu dua hala di sana tu ada terowong saya pusing divider satu motor cina pakai topi keledar yang tajam dekat depan itu telah melanggar saya. Pumm melambung saya atas divider lepas itu kening saya belah ini (sambil memegang kening di sebelah kanan) dah luka luka tebal dalam kening tu luas jatuh atas divider tu saya nampak mata saya dah pitam atas divider saya nampak lori lalu. Budak budak kru dah nampak saya begitu diorang datang diorang tahan apa on the way semua itu angkat saya masuk dalam hospital pergi cuci apa semua dah jahit apa semua masuklah saya dekat hospital itu— pakai baju nak masuk apa semua keluar lah dulu jadi dia tak shooting lah hari itu muka saya pun dah bengkak. Lepas itu duduk hari ini esuk lusa dah keluar sure lah muka saya lebam muka saya lebam sini bengkak tapi saya still nak bekerja walaupun kepala saya sakit sikit nak habis kan dalam tiga empat hari tiga hari lagi lah nak habiskan drama tu. Lepas itu scene masuk hospital itu letak tepi dulu kita tak nak shooting dulu kita buat dekat warung satu warung adalah pelakon pelakon nya dekat warung itu saya pun mengarah dekat warung tu lalulah budak yang tergelaknya lalu lah budak perempuan dua tiga orang “Oh diorang buat apa diorang shooting shooting drama kut oh ye lah shooting lah” Lalu dia lalu depan saya saya mengarah saya gelak buat tatau je dia kata “Ha ini make up baru real” Dia kata

WJ: (Ketawa)

AAMK: “Muka dia ha muka dia bengkok muka dia cantik make up ceria ini make up bagus lah make up ni” dia kata saya gelak make up ke apa. Diorang tatau pun dia kata saya bohong diorang lalu diorang dua orang budak perempuan itu pergi diorang kata saya bohong memanglah make up lepas itu yang lain-lain kata “bang make up katanya” aku sakit kepala muka aku dah bengkok ni itu yang saya tak dapat lupa saya ingat sampai sekarang gelak saya sorang sorang yang lain lain tu tak ada lah. Pasai apa lupa ke artis tak datang lah lari lah artis datang tak tepat time di datang sembilan malam macam-macam

WJ: Itu kiranya kenangan pahit bersama pelakon yang dato bekerja lah

AAMK: Manis lah tu

WJ:Faham faham. Kalau kenangan pahit tapi di luar maksudnya bukan dari industri seni ada tak? Maksudnya dari segi kehidupan Dato lah bukan industri seni.

AAMK: Tak ada lah kut. Tak ada lah yang pahitnya tak ada cuma macam macam lah aaaaaaaa yang pahitnya setelah tawar kat kita untuk berlakon dari segi berlakon lah kan kita dah deal harga siap apa semua kita sembang last last tak jadi macam itu adalah gitu gitu adalah. Tak ada lah besar besar tak ada jadi- pun tak jadi padahal diorang shooting ambil orang lain pulak- kita tak deal pun harga tu murah ke mahal ke suka tak suka ke tak ada pun kita tak demand pun tapi tiba tiba tak jadi tiba tiba ada jugak kadang kadang aaa orang fitnah kan tahun lapan puluh an orang nak panggil kita mengarah “tak Amin tak mengarah sekarang dia dah buat kerja lain” Ada jugak macam itu orang suka potong potong kan kita padahal kita tak bertemu pun dengan dia tak cakap pun dengan dia cerita dengan dia aku tak mengarah pun mana dia dapat tahu cerita. Ha tak payah lah dia dia sibuk dengan tu dia tak mau dah buat. Aku free aku

free aku boleh mengarah, ada. Akhirnya kita dapat tahu jugak ben-de ben-de tu. Kita tahu dari bualan bualan orang. Semua kita tahu. Fitnahkan production kita dulu kita buat dekat PD. Fitnahkan makanan-makanan kita tak sedap lah. Makanan aku tak sedap ke sedap ke, itu production aku bukan production kau. Padahal kita bagi makan diorang ni elok-elok bagi makan sup pi lapor RTM. Orang RTM datang menyiasat datang tengok betul ke “Amin bagi makan diorang sup saja?” Sapa cakap saya cakap. Sapa cakap aku bagi makan diorang sup je. Kalau bagi makan sup- - makan kuah saya cakap. Ada orang beli nasi bungkus baik baik semua sama je beli tak ada orang fitnah kita macam macam untuk menjatuhkan kita dalam industri ini. Itu masa kita produce, masa menerbit masa kita berlakon ada jugak kita berlakon suara tak keluar.

MSM & WJ: (Ketawa kecil)

AAMK: Ada Ada ini cerita mistik sedikit. Kalau kita cerita dekat orang luar orang tak percaya- -. Mistik eh kita nak mengarah kita nak arah orang pun suara tak keluar pun ada kita panggil assistance kita lukis begini begini dia bagitau jalan juga kita buat buat jugak cerita tu. Kalau kita berlakon pernah suara kita tak keluar pun ada tak boleh nak cakap. Jadi kita tolak lah perkara tu macam macam permainan dalam industri ni, kita tak dapat diduga tau. Bukan kata kita berniaga saja orang tak suka orang marah orang buat dengki dalam bidang kita pun ada. Tak usah kata saya zaman zaman P-RAMLEE dulu pun zaman zaman tahun enam puluh-an. P-RAMLEE pun pernah diracun dengan orang kan. Pernah dibuat orang. Ed Osmera pernah dibuat orang jadi gila. Mungkin semua tak tahu. Wardah dengan Solehuddin tak tau arwah Ed Osmera jadi gila, tengah tengah berlakon cerita Lain Jalan Ke Syurga tengah tengah berlakon jadi gila berhenti production tu dekat Stadium Hulu Klang berhenti production tu keluarga dia ambik bawak balik berubat sampai tiga empat tahun dia hilang berubat dekat Siam sana baru dia baik balik barulah Jins Shamsuddin ambik dia berlakon dalam filem- - ibu mengandung patutnya Lain Jalan Ke Syurga Ed Osmera tapi diganti dengan- - Kadang kadang ada shot yang belakang tu Ed Osmera tapi di

depan orang lain ada jugak. Zaman tu pun dah di buat digunakan mistik mistik macam ini untuk menjatuhkan orang macam macam Soleh Wardah macam macam.

MSM: Betul

AAMK: Jadi kita harungi kita dah terjebak dalam bidang ini kita teruskanlah teruskanlah wawasan kita macam mana untuk industri kita di masa hadapan. Kita jangan pandang ke belakang jangan pandang orang lain kita nak buat apa buat kita teruskan ke hadapan jalankan tugas kita untuk memartabatkan industri perfileman tanah air kita itu je lah.

MSM: Okay soalan terakhir ye Dato, aaaa pada masa kini kan ada Covid-19 banyak kekangan pastu Dato kata tadi artis lama ni makin lama tak macam dekat luar negara makin diingati kalau kat Malaysia semakin dilupakan. So sekarang ni Dato ada sumber pendapatan luar yang lain tak? Selain daripada pengarah semua dalam industri seni, luar daripada industri seni Dato sumber pendapatan lain.

AAMK: Tak ada saya tak ada sumber pendapatan lain cuma di luar waktu kelapangan saya masih giat menulis drama-dram radio untuk siaran Klasik Nasional. Kadang saya buat saya tulis saya hantar saya tulis saya hantar. Waktu kelapangan saya,jadi kita kita meneruskan hidup kita dengan- -yang ada dulu lah simpanan simpanan kita sikit-sikit tu meneruskan kehidupan kita. Nak kata dapat sumber lain tak ada. Saya tak ada dapat apa apa benda lah sumbangan sumber pendapatan lain perniagaan ke apa ke tak ada. Saya tak buat apa apa. Saya berbelanja dengan apa yang kita simpan apa yang kita ada lah itu sajalah.

WJ: Faham faham

MSM:Sebab kami ada buat cari maklumat dekat Google lah. Lepas itu ada keluar Dato ada menebar roti canai (sambil mengangguk)

AAMK: Roti canai ye betul

MSM: Sampai sekarang atau

AAMK: Tak tak tahun 17 itu yang buat tu

WJ: Dah tutup

AAMK: Dah tutup saya boleh, okay sikit cerita mengenai saya. Saya kata tadi tahun lapan puluh lima saya berhenti askar bukan?

WJ: Betul-betul

AAMK: Betul. Okay lapan puluh lima sampai lapan puluh enam saya terlibat diri dalam industri perfileman industri masuk dalam bidang ini. Wardah tak tanya Soleh tak tanya apa saya buat? Ha okay. Saya di waktu itu lapan puluh lima bulan tiga lepas dari bulan tiga saya sampai lapan puluh enam dalam bulan lima enam itu saya buat niaga sendiri roti canai. Saya ada gerai di Kuala Kurau itu, saya sewa gerai saya buat niaga di gerai itu. Tadi saya niaga laku laku laku terlampau laku tadi saya sebut mistik sampai gerai saya orang tak nampak sampai orang gerai saya hitam gelap tak ada. Jadi saya fed up saya cari macam mana nak pulih gerai apa semua tu. Dia datang sehari dia geleng kepala orang tu datang kali kedua dia geleng kepala datang hari ketiga dia geleng kepala. Saya kata ini aku dah kena. Saya tak percaya benda benda ini semua saya tk percaya saya berniaga orang buat kita masih tak percaya tapi oleh kerana saya dah kena tadi orang buat kat saya. Saya tutup gerai saya cari berubat saya dapat ubat tu. Ilmu tu saya buat sendiri. Kalau satu hari 10 kilo saya buat tak habis dapat lah empat lima kilo yang lebih saya buang lagi 10 kilo habis tak habis saya buang jadi bila dah hari keempat hari yang saya dapat pulihkan gerai tu saya mungkinkah orang buat orang tak buat. Kalau buat oun sikit je lah buat dalam empat kilo dalam lapan puluh keping. Cukuplah saya kata tengok kalau tak habis jugak bohong lah ni. Tapi saya buat hari yang saya pulih hari itu yang lapan puluh keping itu

tak sampai pukul lapan dah habis- - pukul lapan dah habis. Datanglah orang tadi orang yang melihat geleng kepala lihat jeling kepala orang itu marah saya kata “apa lah kau tak bukak kedai dah dua tiga hari apa Pak Lang datang kau tak ada kat kedai” Saya kata “ Mana ada saya tutup kedai Pak Lang ada je kat kedai. Pak Lang tak nampak saya,saya nampak Pak Lang berhenti di depan tu geleng kepala tak masuk kedai pun” Ha kedai kau gelap” dia kata. Ada di situ pertama tadi roti lapan puluh keping dalam pukul lapan dah habis satu. Kedua Pak Lang tu datang marah lagi walaupun nampak kita dalam kedai sebab tak dapat roti canai. Jadi dia marah esuk Pak Lang datang esuk saya simpan Pak Lang satu. Dari situ saya tau bahawa ada orang buat saya. Selagi roti canai tak habis ada empat lima gerai ada gerai ada restoran asyik duk keluo duk pandang kat gerai kita dia tutup tak lagi dia tutup tak lagi dengki lah. Siapa buat kita tak tahu wallahualam kita tak tahu siapa yang buat. Oleh kerana saya orang buat saya buat balik bukak balik orang buat tutup saya bukak balik lama lama fed up dah. Itu orang kata “tak laku ke bang abang niaga” “Bukan tak laku gerai aku terlampau laku” “Habis kalau laku kenapa tutup” “Oleh kerana terlampau laku aku tutp gerai” Jadi orang itu hairan kenapa laku tutup gerai pasal orang buat kat aku. Bila dapat tawaran saya mintak untuk bekerja- - video dekat Johor Bahru. Saya mintak pun dah lamadalam satu hari itu saya di panggil saya pun pergi ke sana saya diterima kerja saya tak toleh ke kebelakang balik saya terus ke hadapan langkah ke hadapan. Kalau hari ini aku terima kerja syarikat ini aku tak kan balik patah balik ke belakang. Teruslah saya langkah ke hadapan sampai saya bekerja. Selepas saya bekerja tahun tiga tahun lah saya bekerja. Saya timba pengalaman ilmu sampai saya freelance saya tulis skrip saya jadi pengarah saya jadi pelakon mengarah apa semua- -. So okay tadi berbalik kepada dalam video itu ada melihat saya menebar roti canai. Dato roti canai Dato Amin kan. Jadi itu tahun 2016. Saya tak dapat project dengan RTM tahun 2013 isteri sakit cancer sampai tahun dua ribu dia meninggal dalam sakit dia tu saya tak dapat project. Tahun 2013 saya dapat 14 saya tak dapat 15 tak dapat 16 tak dapat 17 tak dapat saya buat Kerajaan - - Nusantara samapai ke Indonesia belantara sebelum kedatangan islam hindu apa lah- - Selepas

dari itu juga saya tak dapat project. Jadi dengan bermodal dengan keuntungan yang saya dapat jadi Kerajaan- - Nusantara tak kan saya nak berbelanja apa aku nak buat itu yang saya tumpang dekat gerai orang buat roti canai. Yang nampak dalam video klip itu gerai orang yang saya tumpang buat roti canai saya berniaga. 17,18,19,20 sehinggalah orang rumah saya meninggal saya langsung tak berniaga lagi dah saya dah stop saya tak perlu nak cari apa apa dah saya berhenti. Klip video itu adalah klip video yang saya yang saya berniaga pada tahun 2017. Sekarang ini boleh buat boleh berniaga tapi saya tak larat dah tak larat menebar sakit belakang jadi saya berhenti. Itu lah tak kerja apa pun sekarang rilek (sambil tersenyum)

WJ:Faham faham. Sekejap ye Dato.

AAMK: Ye ada lagi. Dah pukul berapa dah? Kut kut ada apa apa lagi nak tanya tertinggal. Tak pun wassap saya kalau tertinggal. Soleh boleh wassap saya.

WJ: Boleh boleh. Kejam eh. Dah rekod ke? Okay. Okaylah Dato kejam eh. Rasanya sampai disini sahaja temubual kita bersama Dato. Ribuan terima kasih kami ucapkan kepada dato kerana sudi meluangkan masa bersama2 kami, andai kami ada terkasar bahasa atau terlepas laku sepanjang proses temubual sebentar tadi, kami mohon maaf.

AAMK: Terima kasih saya juga apa apa yang terlanjur kalau yang rakam tu kalau boleh ada yang terlepas cakap apa apa yang terlepas agak agak terkasar boleh edit lah rakaman itu.

MSM: Boleh boleh

AAMK: Jangan guna 100 % benda itu lah kalau kut kut ada yang terkasar bahasa ke ye menyinggung perasaan orang lain ke apa semua saya mintak maaf banyak banyak. Okay terima kasih.

SKRIP PENUTUP KATA TEMU BUAL

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang industri seni tanah air bersama Dato Amin Khan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang industri seni para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

MSM & WJ: Terima kasih Dato

AAMK: Terima kasih semua. Bye-bye assalamualaikum

WJ: Waalaikummusalam

LOG TEMUBUAL

6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	HURAIAN
01:29-07:18	Permulaan sebagai seorang penulis	➤ Nama sebenar Abdul Amin bin Mohd Kassim, Amin Khan adalah nama untuk televisyen ➤ Mendengar drama-drama radio di Singapura dan berasa kagum kerana kebanyakan penulisnya dari Malaysia. ➤ Mendengar drama radio “Kaca-Kaca Terhempas di Batu” dan berminat untuk menjadi seorang penulis. ➤ Beliau menyertai Persatuan Penulis Daerah Kerian (PERENTAS) dan mendapatkan format drama radio daripada Dewan Sastera. ➤ Beliau menulis drama radio dan menghantar drama yang ditulis di beberapa stesen radio. Namun, semuanya ditolak. ➤ Radio Singapura memberikan ulasan berkaitan drama radio yang dihantar oleh Dato Amin Khan dan memberikan contoh drama radio terbaik yang pernah dimainkan. ➤
07:19-09:51	Permulaan dalam bidang theatre dalam masa yang sama menuruskan kerjaya penulisan	➤ Pelbagai nama samaran digunakan Ketika beliau cuba menghantar drama radio yang ditulisnya. ➤ Menyimpan semua skrip-skrip drama radio yang tidak diterima.

		➤ Menyertai satu kumpulan drama yang ditubuhkan oleh “Pak Long”. ➤ Beliau mendapatkan ajaran bagaimana untuk berlakon daripada Pak Long. ➤ Setelah menyertai theathre beliau dapat idea untuk menulis drama radio.
09:52-13:10	Nama samaran “Amin Khan”	➤ Bukan keturunan Khan ➤ Tetapi bapa beliau merupakan seorang India muslim ➤ Setelah banyak kali ditolak oleh radio, akhirnya drama beliau diterima apabila menggunakan nama samaran Amin Khan. ➤ Beliau beranggapan nama samaran ini membawa tuah. ➤ Dato Johan Jaafar dan Jaafar Kamin juga menggunakan nama samaran ‘Khan’.
13:11-17:07	Bergiat aktif dalam bidang theathre	➤ Menimba ilmu tidak formal di kampung. ➤ Menyertai pertandingan ‘Pesta Tarian dan Drama’ yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. ➤ Para peserta dinilai samada mereka berpotensi dan berkarisma untuk menjadi seorang pelakon. ➤ Beliau dipilih untuk berkursus di Ipoh selama dua minggu di Tapian Gelanggang.

		➤ Mendapatkan Pendidikan formal di dalam kursus itu, diajar oleh pelajar USM.
17:08-17:51	Menyertai tentera	➤ Menyertai tentera selama lima tahun daripada 1980 sehingga 1985.
17:52-19:17	Bergiat aktif semula dalam bidang theathre	➤ Pulang semula ke kampung halaman di Kerian, mencipta satu drama theathre yang bertajuk 'Gegar'. ➤ Beliau terlibat dalam lakonan dan mengajar pelakon-pelakon yang lain. ➤ Bertanding dalam satu pertandingan di daerah Kerian, mendapat anugerah pelakon lelaki terbaik.
19:18-22:19	Berkursus tentang penerbitan dan penulisan	➤ Dipanggil untuk berkursus di IPPTAR (Institut Penyiaran Tun Abdul Razak) di RTM, berkursus tentang penerbitan dan penulisan. ➤ Diberikan dedahan oleh orang-orang yang berpengalaman di RTM bagaimana untuk menulis drama-drama televisyen. ➤ Drama televisyen dahulu berkonsepkan pembangunan.
22:20-24:31	Drama "Opah"	➤ Ilham daripada drama 'Anjang Aki' ➤ Beliau terpilih untuk menulis Opah siri pertama dan kedua.
24:32-35:24	Bekerja di syarikat penerbitan drama (Pyramid Home Video)	➤ Pyramid mengeluarkan drama telemovies setiap satu bulan sekali untuk TV3 khas, kontrak dengan TV3. ➤ Tugas beliau di Pyramid Home Video ni bukan sahaja sebagai penolong pengarah, beliau sebenarnya sebagai

		➤ Membuka syarikat sendiri kerana sering ditipu atau tidak mendapat bayaran yang sepatutnya. ➤ Membuka syarikat dengan menggunakan duit simpanan beliau dan isteri keduanya. ➤ Bermula dengan nama Minjam Film Production Enterprise. ➤ Menghasilkan “Segenggam Harapan” dengan “Tumpas” di bawah syarikat Minjan Film Production Enterprise. ➤ Menaik taraf kepada syarikat Sendirian Berhad dengan nama Minjan Production Sendirian Berhad pada tahun 1996. ➤ Pada waktu itu, bermula lah syarikat itu melangkah ke hadapan setapak demi setapak.
58:14-1:06:35	Latar Belakang Keluarga (anak dan ibu bapa)	➤ Anak lelaki sudah bekerja manakala anak perempuan menjadi suri rumah ➤ Tinggal bersama anak tiri di Seremban ➤ Nama ibu beliau Salmah binti Awang ➤ Mohd Kassim bin Ahmad Shah ➤ Ibu beliau sebagai suri rumah ➤ Bapa beliau berniaga menjual putu mayam ➤ Bapa beliau juga menjual pulut panggang dan letakkannya di kedai-kedai. Namun begitu, perniagaan bapa beliau sering ditiru oleh orang lain.

		➤ Bapa beliau mempunyai dua buah kedai (satu menjual kain dan satu lagi menjual barang runcit). ➤ Bapa beliau memberikan orang datang mengambil barang atau secara hutang ➤ Ketika bapa beliau sudah jatuh sakit, perniagaan bapanya hampir <i>bankrupt</i> kerana tiada modal untuk menambah stok. ➤ Orang yang berhutang tidak mahu membayar hutang. Tambahan pula, dia mengambil parang dan kejar dua beradik perempuan beliau. ➤ Akhirnya, bapa beliau terpaksa menutup perniagaannya. ➤ Balik ke kampung Tanah Putih, bapa beliau belajar membuat putu mayam daripada orang India. Selepas itu, bapa beliau berniaga menjual putu mayam. ➤ Dato Amin Khan membesar dengan keuntungan yang diperolehi daripada jualan putu mayam.
1:06:36-1:07:53	Proses membuat putu mayam	➤ Putu mayam dibuat dengan beras, beras tu dibasuh sehingga air bersih dan direndam semalaman. ➤ Hari esok dah kembang basuh semula dan buang airnya. ➤ Selepas itu, tapis sehingga kering baru tumbuk untuk dijadikan tepung.

		➤ Tepung itu akan dikukus sehingga masak selapas itu masukkan air dan gaul-gaul buang bijinya bagi hancur. ➤ Petang baru tekan bersama acuannya. ➤ Kemudian, masukkan dalam kawah dan tutup kawah dengan penutupnya. ➤ Penutup kawah itu dibalut dengan kain supaya wap tidak keluar. ➤ Di masak dengan wap, dalam empat puluh minit untuk menunggu masak. ➤ Kalau empat puluh lima minit tak masak maksudnya <i>something wrong</i>. ➤ Wap keluar ataupun api tak cukup bawah, air tak mendidih.
1:07:54-1:10:38	Perniagaan bapanya	➤ Yuran sekolah pada waktu itu hanya RM3 sebulan ➤ Menolong bapanya menjual putu mayam pada hujung minggu ataupun pagi sebelum ke sekolah dan petang selepas habis sekolah ➤ Semasa beliau berada dia sekolah menengah (MCE), bapanya tidak lagi berniaga putu mayam kerana dia telah membeli gerai nasi daripada seorang mamak yang ingin pulang ke India ➤ Pendapatan lebih sedikit setelah bertukar perniagaan (gerai nasi) ➤
1:10:39-1:17:55	Bekerja di hospital	➤ Beliau bekerja di Hospital Tapah sebagai seorang tukang kebun menggunakan sijil darjah enam kerana tidak ingin duduk melepak

		➤ Sempat menulis drama radio semasa bekerja sebagai tukang kebun kerana banyak masa lapang ➤ Hasil karya menggunakan nama 'Amin Khan Hospital Tapah'. ➤ Apabila drama radio tersebut dimainkan, semua orang tertanya-tanya siapa Amin Khan ➤ Gaji tukang kebun sebanyak RM120 ➤ Mengakui tidak boleh bertahan lama untuk melakukan kerja yang berat. ➤ Semasa di tentera, beliau menjadi kerani
1:17:56-1:26:54	Realiti dalam industri seni	➤ Pelakon dulu tidak mengambil kira sangat tentang bayaran kerana mereka suka dengan kerjaya itu ➤ Pelakon sekarang materialistik ➤ Gaji seorang pengarah lebih sedikit berbanding seorang pelakon sedangkan pengarah terlibat dari awal sampai akhir. ➤ Bayaran bagi penerbit lambat sebulan sehingga enam bulan selepas menghantar drama yang sudah siap. ➤ Seorang penerbit harus menganggarkan peruntukkan supaya mendapat keuntungan. ➤ Stesen televisyen sekarang telah menetapkan siapa pelakon yang mereka mahukan dalam sesuatu drama, jika tidak drama tersebut tidak akan disiarkan.

		➤ Bayaran pelakon sekarang sangat tinggi sehingga melebihi anggaran bajet produksi filem atau drama ➤ Pelakon sekarang tidak memikirkan orang yang bekerja di sebalik tabir ➤ Masih ada pelakon yang boleh bertolak ansur antaranya Rushdi Ramli ➤ Bagi pelakon <i>junior</i> pula, beliau berkata kebanyakannya tidak mahu bertolak ansur
1:26:55-1:31:37	Sumber inspirasi untuk memasuki industri seni	➤ Beliau terdedah kepada filem-filem melayu tahun 60an ➤ Meminati lakonan Jins Shamsuddin, Hail Amir dan Ed Osmera ➤ Pak Long Sha'ri memberi semangat untuk beliau terlibat dalam industri seni ➤ Minat timbul sendiri dalam diri
1:31:38-1:40:39	Penerimaan masyarakat	➤ Penerimaan masyarakat cukup baik kerana mereka mengenali beliau ➤ Walaupun memakai topeng muka ketika berada di luar, masih ada orang yang dapat mengenal pasti bahawa dia adalah Dato Amin Khan hanya dengan melihat mata ➤ Beliau memberi pesanan untuk menghargai peminat kerana tanpa peminat kerjaya dalam industri seni tidak boleh berdiri dengan sendiri
1:40:40-1:43:04	Anugerah	➤ Tidak pernah dapat anugerah tertinggi sepanjang berada di bidang seni

		➤ Pernah dapat anugerah pelakon lelaki terbaik di dalam pertandingan theater daerah Kerian ➤ Tercalon (<i>top five</i>) dalam pertandingan drama televisyen ASEAN bagi drama 'Muslihat'
1:43:05-1:46:33	Harapan	➤ Berharap masih ada orang yang mengenali beliau dan sudi melihat lakonannya ➤ Tidak seperti industri Hollywood dan Bollywood di mana artis veteran semakin berharga
1:46:34-1:49:12	Perkara yang tidak tercapai	➤ Filem tidak dapat ditayangkan di pawagan kerana kekurangan bajet ➤ PKP juga menyebabkan tayangan filem terpaksa ditangguhkan kerana SOP. ➤ Berisiko untuk mengeluarkan filem dalam waktu PKP kerana tidak ramai orang hendak melihat filem pada waktu ini
1:49:13-1:51:17	Filem pertama yang dihasilkan	➤ Bertajuk URUVAM yang bermaksud bayangan ➤ Filem itu dihasilkan pada tahun 2008 dan ditayang pada tahun 2009.
1:51:18-2:11:00	Kenangan manis dan kenangan pahit	➤ Berlaku kemalangan di hadapan hospital ketika <i>shooting</i> drama dijalankan ➤ Luka di kening dan muka beliau bengkak akibat kemalangan ➤ Muka bengkak beliau itu dianggap <i>real make up</i> untuk <i>scene</i> drama di hospital

7.0 RALAT

Temu bual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang industri tanah air. Rakaman temu bual ini telah dijalankan bersama tokoh Dato Abd Amin Mohd Kasim yang merupakan seorang artis veteran. Sesi temu bual ini dijalankan secara atas talian menggunakan platform Google Meet yang berlangsung pada tarikh 30 November 2021 bersamaan hari Selasa pada pukul 2 petang. Dengan izin tuhan, kami bersyukur kerana sesi temubual ini berjalan dengan lancar dan baik sekali. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat kami elakkan sepanjang temubual ini berlangsung. Antara gangguan yang dapat dikesan adalah seperti yang telah tersenarai di bawah :

Gangguan bunyi signal

Gangguan masalah internet

Gangguan suara orang ketiga

Gangguan bunyi angin

Gangguan suara bergema

Gangguan bunyi notifikasi telefon mudah alih

Walaupun sesi temubual ini terdapat beberapa gangguan, namun secara keseluruhannya temubual ini berjalan dengan baik dan lancar. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan ilmu yang telah diberikan daripada tokoh yang terlibat iaitu Dato Abd Amin Mohd Kasim.

GLOSARI

8.0 GLOSARI

A

Acuan	Bekas yang mempunyai bentuk tertentu untuk dituangkan sesuatu bahan cecair.
Alhamdulillah	Segala pujian bagi Allah.
Al-Quran	Kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjadi panduan hidup manusia.
Anugerah	Hadiah atau pemberian daripada orang yang lebih tinggi atau besar darjatnya.
Artikel	Karangan (dalam surat khabar, majalah), makalah, rencana.
Artis	Orang yang kerjanya atau kegemarannya mencipta hasil seni.
Arwah	Roh atau jiwa orang yang telah meninggal dunia.

B

Baka	Keluarga, asal keturunan.
Berkerumun	Berkumpul atau ber-himpun beramai-ramai atau banyak-banyak, berkerubung.
